SULIT

# MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
# BANDARAYA PELANCONGAN
# KEDAH DARUL AMAN

# MESYUARAT MAJLIS PENUH
# BIL 3/2021

TARIKH : 7 JULAI 2021 (RABU)
MASA : 10.00 pagi
TEMPAT : ATAS TALIAN (GOOGLE MEET)
https://meet.google.com/vgg-hjou-epw

SULIT

**AGENDA MESYUARAT MAJLIS PENUH**
**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI**
**BANDARAYA PELANCONGAN**
**BIL 3/2020 PADA 7 JULAI 2021**

**1.0 Ucapan Aluan Tuan Pengerusi**

**2.0 Sesi Angkat Sumpah En. Nasaruddin bin Abdul Muttalib, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi**

**3.0 Sesi Pembentangan**

**3.1 Kertas Kerja Pemakluman Prestasi Kutipan dan Tunggakan Sewa Gerai/Tapak Penjaja Milik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan semasa Pandemik Covid19**

**3.2 Pelan Strategik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Tahun 2021-2025**

**3.3 Pelaksanaan e-Kasih di Daerah Langkawi oleh Pejabat Daerah Langkawi**

**4.0 Mengesah Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 2/2021 bertarikh 27 Mei 2021**

**5.0 Perkara-perkara berbangkit**

**6.0 Menerima Ketetapan Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap**

**6.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 3/2021 bertarikh 23 Jun 2021**

**6.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 3/2021 bertarikh 23 Jun 2021**

**6.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran & Pelancongan Bil 3/2020 bertarikh 24 Jun 2021**

**6.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 3/2020 bertarikh 24 Jun 2021**

**7.0 Menerima ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)**

**7.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSc) Bil 4/2021 bertarikh 21 Jun 2021**

**8.0 Menimbang perkara-perkara baru**

**9.0 Pembentangan Usul**

**10.0 Penangguhan Mesyuarat**

Agenda 1.0

Ucapan Aluan Tuan Pengerusi

Agenda 2.0

Sesi Angkat Sumpah En. Nasaruddin bin Abdul Muttalib, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi

Agenda 3.0

Sesi Pembentangan

# Agenda 3.0

3.1 Kertas Kerja Pemakluman Prestasi Kutipan dan Tunggakan Sewa Gerai/Tapak Penjaja Milik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan semasa Pandemik Covid19

Agenda 3.0

3.2 Pembentangan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Tahun 2021-2025

Agenda 3.0

3.3 Pembentangan Pelaksanaan e-Kasih di Daerah Langkawi oleh Pejabat Daerah Langkawi

Agenda 4.0

Mengesah Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 2/2021 bertarikh 27 Mei 2021

**MESYUARAT MAJLIS PENUH**
**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI**
**BANDARAYA PELANCONGAN**
**KEDAH DARUL AMAN**
**BIL 2/2021**

TARIKH: 27 Mei 2021 (Khamis)

JAM : 10.00 pagi

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

**KEHADIRAN**

1. Y. Bhg. En. Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

2. Tuan Pegawai Daerah Langkawi
(Tn. Hj. Saiful Anwar bin Azmi, AMK, BCK) - Ahli

3. Lembaga Pembangunan Langkawi
(En Ibrahim bin - Wakil

4. Ketua Polis Daerah Langkawi
(ASP Nor Azean bt Sobri) - Wakil

5. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi
(Dr Mansor bin Ismail) - Ahli

6. PlanMalaysia@Kedah
(Tn. Hj. Mustafa Bakri bin Alias Sani) - Ahli

7. Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi
(Tn. Hj. Ahmad Lokman bin Saidin) - Ahli

8. Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran
(Tn. Hj. Norazidi bin Hj. Yunus) - Ahli

9. En. Zubir bin Ahmad, BKM
Ahli Majlis

| | | |
|---|---|---|
| 10. | En. Mazlan bin Ahmad, BKM<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. | En. Ahmad Nazri bin Ali<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. | Pn. Azlina bt. Azinan<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. | En. Amar Pared bin Mahamud<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. | En. Elias bin Othman, BKM, PJK, PPN<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. | Tn, Hj. Hasim bin M. Noh, AMK, BKM, PPN, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. | Tn. Hj. Kamarudzaman bin Mustafa<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 17. | En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK, BKM, JP<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. | En. Fazil bin Talib, AMK, BKM, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 19. | En. Look Sia Hing, AMK, BKM, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 20. | En. Dhurairaj a/l K. Ramasamy, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 21. | Tn. Hj. Nordin bin Ahli<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 22. | Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 23. | En. Selvakumar a/l G.Arpaya<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 24. | En. Safari bin Shaberi<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 25. | Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK<br>Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan | - Setiausaha |

**TIDAK HADIR**

1. Pn. Hisham Suhaily bt. Othman, KMN, AMK, BKM
   Ahli Majlis

**TURUT HADIR**

1. En. Azli bin Abd. Rani
   Pengarah
   Jabatan Kesihatan Persekitaran

2. En. Fauzi bin Ahmad
   Pengarah
   Jabatan Kejuruteraan

3. Pn. Rashila bt. Abdullah
   Pengarah
   Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4. Pn. Harzanin bt. Harun
   Pengarah
   Jabatan Perbendaharaan

5. En. Zulidzham bin Mohd. Ali
   Pegawai Perancang
   Unit OSC

6. En. Mohd. Fatkhy bin Mohd. Jamil
   Pegawai Undang-undang
   Unit Undang-undang

7. En. Mohd. Hisham bin Mohamad Aznam
   Arkitek
   Jabatan Kawalan Bangunan

8. Pn. Anis Sallihah bt. Zabudin
   Pengarah
   Jabatan Khidmat Pengurusan

9. Pn Amira bt. Ishak
   Wakil Pengarah
   Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap

**URUS SETIA**

1. Pn. Manisah bt. Hj. Manap - Pencatit Minit
   Setiausaha Pejabat

## 1.0 ALUAN PENGERUSI

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Ahli-ahli Majlis yang meluangkan masa hadir ke Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan pertama kali secara atas talian.

Dalam Ucapan Tuan Pengerusi, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:

### 1.1 Mesyuarat Majlis Penuh MPLBP Bil 2/2021 secara atas talian

Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 2/2021 ini adalah yang pertama dibuat secara atas talian sepertimana yang diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa mulai 25 Mei hingga 7 Jun 2021.

### 1.2 Ucapan Selamat Hari Raya

Tuan Pengerusi mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli-ahli Majlis walaupun sambutan Aidilfitri tahun ini disambut dalam suasana PKP dan norma baru.

### 1.3 Situasi semasa Covid 19 di Daerah Langkawi

Daerah Langkawi kini telah menjadi zon merah akibat daripada peningkatan kes melebihi 40 kes. Ini bermakna virus Covid 19 berada di dalam komuniti dan menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membantu memutuskan penyebaran penyakit ini. Pihak Majlis juga telah mengambil beberapa langkah bagi membantu membendung penularan Covid 19 antaranya:

i) Semua gerai di bawah seliaan Majlis diarahkan mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara

ii) Peniaga Pasar Awam diarahkan untuk menyediakan ruang yang lebih selesa kepada pengunjung dengan tidak meletakkan barang dagangan melebihi had yang dibenarkan

iii) Semua Pasar Malam dibuka dengan pengawasan kawalan SOP yang ketat

**1.4 Program Vaksinasi di Daerah Langkawi**

Tuan Pengerusi menyarankan agar semua Ahli Majlis mendaftar untuk Program Vaksinasi Negara. Ini penting untuk kita sama-sama menyumbang ke arah *'Herd Immunity'* negara. Sebagai sebuah pulau pelancongan, Daerah Langkawi harus bersedia menerima pelancong dan dengan vaksinasi diharap akan memberi gambaran positif pelancong luar terhadap pelancongan di Langkawi.

**1.5 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0**

Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diperketatkan berkuatkuasa mulai 25 Mei sehingga 7 Jun 2021. Sepanjang tempoh ini, pengoperasian bagi Pejabat Majlis akan dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di Pejabat dan Bekerja dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan berikut:

i) Kehadiran di pejabat pada tahap 20% keseluruhan (tidak termasuk kerja-kerja di bawah *essential services*) dan 80% secara BDR dengan penggiliran.

ii) Kehadiran di pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat.

iv) Mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara atas talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsian

v) Perkhidmatan kaunter hanya dibuka kepada perkhidmatan yang tidak ditawarkan secara atas talian dan melalui temujanji sahaja

Semua tugasan telah diatur bagi memastikan bahawa operasi Pejabat dapat berjalan dengan lancar dan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan baik mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN.

**1.6 Pencalonan Anugerah *ASEAN Tourism Standard***

Majlis Perbandaran Langkawi antara Pihak Berkuasa Tempatan yang telah dicalonkan di dalam Anugerah *'Asean Tourism Standard'* di bawah kategori *'Asean Clean Tourist City Standard'*. Majlis anugerah ini melibatkan semua negara-negara ASEAN lain. Tuan Pengerusi mengharapkan kerjasama dan komitmen semua pihak bagi memastikan Majlis mendapat anugerah tersebut.

**1.7 Lawatan Duta Ukraine ke Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah menerima lawatan kunjungan hormat daripada Duta Ukraine di Malaysia. Lawatan beliau bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kutipan cukai yang berkaitan pelancongan dan juga perancangan pembangunan di Pulau Langkawi.

**1.8 Laman Web MPLBP yang baru**

Mulai 1 Mei 2021, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah melancarkan dan mengguna pakai laman web yang baru. Laman web yang baru ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam menyelaras semua laman web Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Kedah berikutan penyerahan pengurusan Web Pihak Berkuasa Tempatan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada pihak PBT sepenuhnya.

**1.9 Peruntukan Pembinaan Tandas di Chenang dan Gerai di Tanjung Rhu**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi peruntukan untuk pembinaan Tandas di Feeder 1, Pantai Chenang dan juga pembinaan gerai di Dataran Tanjung Rhu. Peruntukan ini diperolehi hasil dari lawatan kerja Y. Bhg. Datuk Ketua Setiausaha KPKT ke Langkawi pada bulan Mac yang lalu dan dengan peruntukan ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi infrastruktur dan kemudahan perniagaan di pulau ini.

**1.10 Peruntukan Pembinaan Gerai**

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan juga telah menerima peruntukan di bawah Program Sumbangan dan Bantuan Covid 19 Kerajaan Negeri Kedah sebanyak RM100,000.00 untuk membina kiosk bagi penjaja kecil di kawasan Taman Berlian.

**1.11 Peruntukan pembinaan gerai-gerai Kecil di Bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)**

Majlis Perbandaran Langkawi juga telah menerima peruntukan di bawah Program PEMERKASA dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana melibatkan pembinaan kiosk-kiosk penjaja kecil di beberapa mukim di Langkawi. Projek ini diharap dapat membantu menyediakan tempat berniaga kepada golongan yang terkesan dengan Covid 19.

### 1.12 Pengujian Insinerator di Langkawi

Pengujian Insinerator di Langkawi telah mengalami kegagalan. Pengujian kedua sedang dijalankan sehingga 31 Mei 2021 dan masih menunggu status pengujian tersebut. Pihak Syarikat diberi tempoh sehingga bulan Jun 2021 bagi tujuan menjalankan T & C.

### 1.13 Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Ahmad Hedzri bin Adnan, mantan Ketua Pegawai Eksekutif LADA yang telah memberi kerjasama dan sumbangan idea sepanjang beliau menjadi Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Beliau juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat datang kepada Ketua Pegawai Eksekutif LADA yang baru iaitu Tn. Hj. Nasaruddin bin Abdul Muttalib. Tuan Pengerusi turut memaklumkan Majlis Mengangkat Sumpah Ketua Pegawai Eksekutif LADA yang baru akan diadakan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh yang akan datang.

**Tindakan: Makluman**

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PENUH MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BIL 2/2021 BERTARIKH 17 MAC 2020

Sebelum Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 2/2020 bertarikh 17 Mac 2021 disahkan, Mesyuarat memohon dibuat pindaan kepada kehadiran dengan dimasukkan nama Tn. Hj. Hasim bin M. Noh.

Setelah tiada pindaan lain, Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 1/2021 bertarikh 17 Mac 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Nor Saidi bin Nanyan dan disokong untuk diterima dengan cadangan En. Elias bin Othman.

**Tindakan: Makluman**

## 3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada.

## 4.0 MENERIMA KETETAPAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP

### 4.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 2/2021 bertarikh 29 April 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 2/2021 bertarikh 29 April 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Fazil bin Talib dan disokong untuk diterima dengan cadangan oleh Tn. Hj. Hashim bin Md. Noh.

**Tindakan: Makluman**

### 4.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 2/2021 bertarikh 29 April 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 2/2021 bertarikh 29 April 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Elias bin Othman disokong untuk diterima dengan cadangan oleh Tn. Hj. Kamarudzaman bin Mustafa.

**Tindakan: Makluman**

### 4.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan Bil 2/2020 bertarikh 29 April 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan Bil 2/2020 bertarikh 29 April2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Tn. Hj. Hasim bin M. Noh dan disokong untuk diterima dengan cadangan oleh En Elias bin Othman.

**Tindakan: Makluman**

### 4.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 2/2020 bertarikh 29 April 2021

Sebelum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 2/202 bertarikh 29 April 2021 disahkan, Mesyuarat memohon dibuat pembetulan kepada nama En. Nor Saidi bin Nanyan.

Setelah tiada pindaan lain, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 2/2021 bertarikh 29 April 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En Nor Saidi bin Nanyan dan disokong untuk diterima dengan cadangan Tn. Hj. Hasim bin M. Noh.

**Tindakan: Makluman**

**5.0 Menerima Ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)**

**5.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 2/2021 bertarikh 29 Mac 2021**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 2/2021 bertarikhh 29 Mac 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima bagi pengesahan dan sokongan dengan sebulat suara.

**Tindakan: Makluman**

**5.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 3/2021 bertarikh 3 Mei 2021**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 3/2021 bertarikhh 3 Mei 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima bagi pengesahan dan sokongan dengan cadangan sebulat suara.

**Tindakan: Makluman**

**6.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU**

**6.1 Kertas Cadangan Perlanjutan Tempoh Bayaran Ansuran Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat **bersetuju** dengan cadangan perlanjutan tempoh bayaran ansuran Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tempoh bayaran ansuran cukai taksiran selama sembilan belas (19) bulan iaitu bermula bulan Jun 2021 sehingga 31 Disember 2022 bagi hotel/motel/chalet/harta khas sahaja.

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**6.2 Cadangan Melanjutkan Program Pemberian Insentif Ransangan Ekonomi Kali kelima semasa Pandemik Covid 19**

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat **bersetuju** untuk memberi kelulusan lanjutan tambahan dua bulan Insentif Ransangan Ekonomi bagi kali kelima bermula bulan **Julai 2021 sehingga Ogos 2021** iaitu rebat sewaan kepada 759 penyewa ruang niaga Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan melibatkan jumlah anggaran pemotongan rebat sewaan sebanyak RM194,780.00 daripada anggaran jumlah kutipan sewaan tahun 2021.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

## 7.0 PEMBENTANGAN USUL

### 7.1 Bayaran secara atas talian

En. Nor Saidi bin Nanyan, Ahli Majlis mencadangkan supaya pembayaran di atas talian diperluaskan lagi selain bayaran cukai taksiran dan sewa gerai. Pihak Majlis juga diminta memaklumkan kepada orang awam info berkaitan kutipan van bergerak dengan menggunakan medium *facebook*. Beliau juga mencadangkan supaya menyediakan sistem yang lebih *'interactive'* bagi memudahkan pelanggan membuat bayaran sekiranya pelanggan tidak mempunyai dan membawa bil semasa pembayaran.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sistem atas talian akan diperluaskan pada bulan Ogos nanti dan pihak Majlis mengambil maklum mengenai cadangan semakan bil sekiranya tidak mempunyai bil semasa bayaran. Pihak Majlis juga mengambil maklum untuk menghebahkan masa kutipan van kaunter bergerak di dalam laman web Majlis dan juga *facebook* Majlis.

**Tindakan: Jabatan Perbendaharaan**

### 7.2 Menaiktaraf infrastruktur di Langkawi

En. Nor Saidi bin Nanyan, Ahli Majlis memakluman perutusan Tahun Baru oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada menyatakan Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 50 juta untuk tempat-tempat pelancongan di Malaysia. Beliau mengharapkan pihak Majlis dapat memohon peruntukan yang dinyatakan supaya tempat-tempat pelancongan di Pulau Langkawi dapat dinaiktaraf.

Mesyuarat mengambil maklum perkara tersebut.

**Tindakan: Makluman**

**7.3 Program Vaksinasi**

Pn Azlina bt Azinan, Ahli Majlis mencadangkan supaya program vaksinasi ini diperluaskan dengan mengujudkan Jawatankuasa Khas untuk memantau program ini.

Mesyuarat dimaklumkan program tersebut memang dipantau oleh Kerajaan dan Jawatankuasa di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah telah ditubuhkan untuk memantau program tersebut dan beberapa Mesyuarat telahpun diadakan.

**Tindakan: Makluman**

**7.4 Tugasan Kutipan Cukai Taksiran oleh Ahli-ahli Majlis**

Pn Azlina bt Azinan, Ahli Majlis memaklumkan bahawa Ahli-ahli Majlis telah ditugaskan mengutip cukai taksiran dan ingin mengetahui samada tempoh kutipan tersebut dilanjutkan memandangkan buat masa sekarang masih di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menghalang lawatan dan perjumpaan secara fizikal.

Mesyuarat memaklumkan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta akan menyusun balik jadual tempoh kutipan tersebut.

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**7.5 Pemberian vaksin kepada Ahli-ahli Majlis**

En. Zubir bin Ahmad, Ahli Majlis memohon Pejabat Kesihatan Daerah menimbangkan untuk mempercepatkan pemberian vaksin kepada Ahli-ahli Majlis memandangkan mereka juga merupakan *'frontliner'* dengan orang tempatan di Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan perkara ini akan dipanjangkan kepada Pegawai Kesihatan Daerah Langkawi.

**Tindakan: Puan Setiausaha/Urusetia**

**7.6 Status pengoperasian Incinerator**

En. Mazlan bin Ahmad, Ahli Majlis ingin mengetahui status pengoperasian Incinerator tersebut.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Incinerator tersebut masih belum beroperasi sepenuhnya dan pihak pembekal diberi pengujian untuk kali kedua dan dijangka tamat tempoh pada bulan hujung bulan Mei ini.

**Tindakan: Makluman**

7.7 **Longkang depan Sekolah Kebangsaan Padang Matsirat**

En Ahmad Nazri bin Ali, Ahli Majlis memaklumkan bahawa longkang di kawasan sekolah tersebut terlalu rendah dan air tidak dapat mengalir dengan elok dan apabila hujan lebat air akan memasuki kawasan Masjid. Beliau memohon supaya pihak Majlis dapat mengambil tindakan segera.

**Tindakan: Jabatan Kejuruteraan**

7.8 **Kutipan Sampah**

Tn. Hj. Kamarudzaman bin Mustafa, Ahli Majlis memaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini kutipan sampah di Daerah Langkawi tidak dilaksanakan secara berjadual dan beliau mendapati terdapat banyak longgakan sampah yang tidak dikutip oleh pihak E-Idaman. Beliau mencadangan supaya pihak E-Idaman meletakkan notis jadual kutipan sampah di kawasan pungutan supaya penduduk langkawi tidak meletakkan sampah di luar tong sampah apabila sampah penuh.

**Tindakan: Makluman**

7.9 **Pemotongan rumput**

Tn. Hj. Kamarudzaman bin Mustafa, Ahli Majlis memaklumkan bahawa pemotongan rumput yang dilakukan oleh kontraktor THB tidak dibuat secara betul dan membiarkan rumput-rumput yang dipotong masuk ke dalam longkang dan keadaan ini akan menyebabkan longkang tersebut tersumbat apabila hujan. Beliau memaklumkan kejadian tersebut berlaku di kawasan Kampung Teluk, Mukim Ulu Melaka.

**Tindakan: Jabatan Kerja Raya**

7.10 **Bangunan Terbengkalai**

Tuan Hj. Kamarudzaman bin Mustafa, Ahli Majlis memohon pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan sesuatu supaya bangunan MARA yang sudah lama ditutup dibuka semula memandangkan bangunan tersebut terletak di kawasan Pusat Bandar. Begitu juga dengan kuarters lama Hospital Langkawi yang terlalu usang dan keadaannya boleh menjejaskan imej pemandangan pelancong.

**Tindakan: Makluman**

**7.11 Status semasa Covid19 di Daerah Langkawi**

Dr Mansor bin Ismail, Pegawai Kesihatan Daerah Langkawi memaklumkan bahawa Daerah Langkawi telah berada di dalam Zon Merah dan setakat 26 Mei 2021 sebanyak 71 kes aktif di Daerah Langkawi. Daerah Langkawi juga telah mempunyai kluster baru iaitu Kluster Helang. Beliau memaklumkan sebanyak 5 pesakit yang memerlukan bantuan penafasan dan berada di Hospital Sultanah Maliha.

Buat masa sekarang, Daerah Langkawi mempunyai tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) iaitu di Kompleks Sukan Langkawi, Klinik Kesihatan Ayer Hangat dan Hospital Sultanah Maliha. Beliau juga memaklumkan setiap hari sebanyak 50 hingga 100 orang yang membuat ujian swab di Klinik Kesihatan Kuah.

Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi juga menjalankan kerja-kerja vaksinasi di premis-premis yang positif Covid19.

**Tindakan: Makluman**

Mesyuarat memutuskan:

i) Mengambil maklum usul-usul yang dibangkitkan

ii) Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

## 9.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi menangguhkan mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 ptg.

| | |
|---|---|
| **Disediakan oleh,** | **Disemak oleh,** |
| **(MANISAH BT. HJ. MANAP)** | **(NOORUL AZWATI BT AHMAD SALMI., BCK)** |
| **Pencatit Minit** | **Setiausaha** |
| **Majlis Perbandaran Langkawi** | **Majlis Perbandaran Langkawi** |
| **Bandaraya Pelancongan** | **Bandaraya Pelancongan** |
| **Kedah Darul Aman** | **Kedah Darul Aman** |

**Disahkan oleh,**

**(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK)**
**Yang Dipertua**
**Majlis Perbandaran Langkawi**
**Bandaraya Pelancongan**
**Kedah Darul Aman**

# Agenda 5.0

## Perkara-perkara berbangkit

Agenda 6.0

Menerima Ketetapan Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap

Agenda 6.0

6.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 3/2021 bertarikh 23 Jun 2021

# MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN BIL 03 / 2021

TARIKH : 23 Jun 2021 ( Rabu)

MASA : 10.00 Pagi

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

PAUTAN: https://meet.google.com/xdm-codc-zux

**KEHADIRAN**

1. Tuan Radzuan Bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
   Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi
2. Encik Saiful Anwar Bin Azmi, AMK., BCK. - Ahli
   Pejabat Daerah Langkawi
3. Encik Saiful Rizam Bin Superi - Wakil
   Lembaga Pembangunan Langkawi
4. Encik Zubir Bin Ahmad, BCK. - Ahli
   Ahli Majlis
5. Encik Nor Saidi Bin Nanyan, BCK., BKM., JP - Ahli
   Ahli Majlis
6. Encik Amar Pared Bin Mahamud - Ahli
   Ahli Majlis
7. Encik Fazil bin Talib,AMK,BKM.,PJK - Ahli
   Ahli Majlis
8. Encik Ahmad Nadzri Bin Ali - Ahli
   Ahli Majlis
9. Encik Kamarudzaman Bin Mustafa - Ahli
   Ahli Majlis
10. Encik Elias bin Othman, BKM.,PJK.,PPN - Ahli
    Ahli Majlis
11. Look Sia Hing, AMK., BKM.,PJK - Ahli
    Ahli Majlis
12. Puan Azlina bin Azinan - Ahli
    Ahli Majlis

13. Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim - Ahli
    Ahli Majlis

14. Encik Dhurairaj A/L Ramasamy, PJK - Ahli
    Ahli Majlis

15. Encik Safari bin Saberi - Ahli
    Ahli Majlis

16. Encik Nordin Bin Ali - Ahli
    Ahli Majlis

17. Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK. - Setiausaha
    Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Encik Mazlan bin Ahmad, PJK
   Ahli Majlis

2. Puan Hisham Suhaily binti Othman, KMN.,AMK.,BKM
   Ahli Majlis

3. Encik Hasim Bin M. Noh, AMK., BKM., PPN., PJK
   Ahli Majlis

4. Encik Selvakumaran A/L G. Arpaya
   Ahli Majlis

**TURUT HADIR**

1. Puan Harzanin Bin Harun
   Akauntan
   Jabatan Perbendaharaan

2. Puan Rashila Binti Abdullah
   Pengarah
   Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3. Puan Anis Sallihah binti Zabudin
   Pengarah
   Jabatan Khidmat Pengurusan

4. Encik Azli bin Abd. Rani,BCK
   Pengarah
   Jabatan Kesihatan Persekitaran

5. Encik Fauzi bin Ahmad, BCK
   Pengarah
   Jabatan Kejuruteraan

6. Encik Mohamad Khairul Azmi Bin Ghazali
   Penolong Pegawai Penguatkuasa
   Jabatan Penguatkuasaan

7. Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
   Arkitek
   Jabatan Kawalan Bangunan

8. Cik Siti Aisyah Binti Mohd Taib
   Pengarah
   Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap

9. Puan Amira binti Ishak
   Arkitek Lanskap
   Jabatan Perancangan Dan Pembangunan Lanskap

10. Encik Mohd Zulidzham Bin Mohd Ali
    Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
    Unit OSC

11. Puan Che Asma binti Che Azmi
    Juruaudit
    Unit Audit Dalam

5. Encik Mohd Fatkhy Bin Mohd Jamil
   Pegawai Undang-Undang
   Unit Undang-Undang

12. Puan Manisah binti Hj. Manap, PCK.
    Setiausaha Pejabat

**URUS SETIA**

1. Puan Aina Binti Yusof - Pencatat Minit
   Jabatan Perbendaharaan

## 1.0 ALUAN PENGERUSI

1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 03/2021 pada pagi ini dimulakan dengan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat yang diadakan pada hari ini adalah Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan yang pertama kali diadakan secara atas talian. Mesyuarat harus diteruskan juga bagi melancarkan lagi perjalanan dan operasi majlis walaupun dalam keadaan pandemik.

1.2 Tuan Pengerusi memaklumkan mengenai kedudukan kewangan MPLBP dalam fasa PKP 3.0. Prestasi hasil sehingga bulan Mei 2021 menurun 6% berbanding tahun 2020 dan keadaan ini dijangka akan berlanjutan sehingga hujung tahun ini. Selain itu, kutipan caj warisan untuk tahun 2021 yang dianggarkan sebanyak RM3.2 juta juga tidak dapat dicapai pada ketika ini dan akan menambahkan lagi kekurangan hasil majlis. Pihak majlis juga telah memberi rebat kepada semua penyewa premis majlis dan ini juga telah mengurangkan kutipan hasil sewaan. Majlis perlu ada perancangan yang teliti dalam penambahan kutipan hasil dengan menumpukan industri dan sektor ekonomi lain yang tidak terkesan dengan PKP ini.

1.3 Majlis Perbandaran Langkawi pada masa kini dalam proses membangunkan sistem perkhidmatan elektronik PBT Pay dengan mengantikan platform berasaskan pengoperasian "Client Based" kepada "Web Based" dengan peruntukan sebanyak RM 100,000.00. Dengan peralihan ini, pelbagai pembayaran dan perkhidmatan di atas talian dapat dilaksanakan. Ini sejajar dalam usaha mendigitalisasikan perkhidmatan Majlis Perbandaran Langkawi.

1.4 Pihak MPLBP juga turut membantu dalam mengedarkan "food basket" kepada yang memerlukan melalui ahli majlis. Tuan Pengerusi memohon agar semua ahli majlis dapat mengenal pasti penerima bantuan dalam kadar segera dan juga Tuan Pengerusi pohon untuk diberi juga bantuan kepada keluarga yang diarahkan kuarantin oleh pihak PKD.

1.5 Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa terdapat premis perniagaan dan hotel yang terpaksa mengambil keputusan untuk menutup operasi disebabkan keadaan Pandemik Covid-19 dan PKP.

1.6 Mesyuarat diteruskan seperti agenda.

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN BIL 02/2021 BERTARIKH 29 APRIL 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 02/2021 bertarikh 29 April 2021 dibentangkan. Encik Nor Saidi Bin Nanyan mencadangkan untuk disahkan Minit Mesyuarat Bil 02/2021 dan disokong oleh Encik Elias Bin Othman untuk disahkan oleh semua ahli mesyuarat .

**Tindakan: Makluman**

## 3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

### 3.1 Tuntutan Bayaran Pampasan Pengambilalihan Padang Golf Langkawi Oleh Kedah Corp. Berhad

Pihak MBI telah mula gagal untuk menjelaskan bayaran ansuran bermula April 2020. Tunggakan terkumpul sehingga Mei 2021 adalah berjumlah RM 420,000.00. Surat tuntutan telah diberikan pada 21 Jun 2021.

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### 3.2 Tunggakan Kutipan Cukai Taksiran

Kutipan tunggakan cukai taksiran bagi bulan Mei 2021 adalah berjumlah RM 81,706.02. Kutipan keseluruhan tunggakan cukai taksiran sehingga 31 Mei 2021 berjumlah RM 532,561.23, iaitu 7% daripada jumlah keseluruhan tunggakan.

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

## 4.0 MEMBENTANG LAPORAN KEWANGAN

**Pembentangan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Mei 2021.**

Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Mei 2021 yang telah dibentangkan oleh Puan Harzanin Binti Harun, Akauntan Majlis. Keseluruhan kutipan hasil pada bulan Mei 2021 adalah berjumlah **RM 2,525,854.04**. Peratus kutipan hasil berbanding Bajet 2021 adalah sebanyak **40%**.

Laporan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Majlis pada bulan Mei 2021 adalah sebanyak **RM 2,488,356.24.** Peratus perbelanjaan sebenar berbanding Bajet 2021 adalah **25%.**

**Tindakan: Jabatan Perbendaharaan**

## 4.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Bagi laporan cukai taksiran bagi bulan Mei 2021, keseluruhan kutipan yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 593,613.02** iaitu **RM 511,906.96** untuk kutipan cukai taksiran semasa manakala **RM 81,706.02** adalah hasil kutipan tunggakan cukai taksiran.

Kutipan cukai taksiran yang sepatutnya dikutip pada penggal pertama tahun 2021 adalah berjumlah **RM 7,353,269.82**. Sehingga 31 Mei 2021, jumlah kutipan adalah sebanyak **RM 7,132,102.38** (96.99%). Ini menunjukkan kutipan yang belum diterima bagi penggal pertama berjumlah **RM 221,167.44** (3.01 %).

Manakala bagi laporan tunggakan pada tahun 2020, jumlah tunggakan adalah sebanyak **RM 7,301,589.49.** Sehingga 31 Mei 2021 sebanyak **RM 532,561.23** (7.29%) yang telah berjaya dikutip menjadikan baki tunggakan adalah sebanyak **RM 6,769,063.26** (92.71 %).

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

## 4.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Laporan kutipan sewaan (semasa) yang berjaya dikutip sehingga 31 Mei 2021 adalah berjumlah **RM 321,603.00** bersamaan dengan 73.14 % daripada jumlah bil yang dikeluarkan. Baki **RM 118,127.00** (26.86%) masih belum diterima.

Manakala tunggakan sewaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Mei 2021 berjumlah **RM 60,705.00** (17.23%) daripada jumlah tunggakan keseluruhan berjumlah **RM 291,548.61.**

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

## 4.3 Pembentangan Mengikut Hasil Jabatan

### 4.3.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil sehingga 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Jumlah terimaan bagi hasil cukai sehingga 31 Mei 2021 adalah berjumlah **RM 7,914,851.51** manakala hasil bukan cukai sehingga 31 Mei 2021 adalah sebanyak **RM 27,963.67**. Terimaan bukan hasil sebanyak **RM 30,000.00.**

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**4.3.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan**

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Lesen dan Sewa sehingga 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Jumlah kutipan lesen keseluruhan adalah **RM 694,584.50** dan kutipan sewaan sehingga 31 Mei 2021 berjumlah **RM 497,086.00.** Manakala bagi kutipan Bayaran Perkhidmatan berjumlah **RM 172,820.10.**

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**4.3.3 Laporan Hasil Penguatkuasaan**

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Tempat Letak Kereta dan Penguatkuasaan berakhir 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Terimaan yang berjaya dikutip untuk Jabatan Penguatkuasaan sehingga 31 Mei 2021 adalah berjumlah **RM 28,668.00** dari jumlah Bajet 2021 iaitu **RM 144,010.00**.

**Tindakan: Jabatan Penguatkuasaan**

**4.3.4 Laporan Hasil Jabatan Kejuruteraan**

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Kejuruteraan berakhir 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Sehingga 31 Mei 2021 terimaan hasil yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 13,022.00**.

**Tindakan: Jabatan Kejuruteraan**

**4.3.5 Laporan Hasil Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Lanskap**

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap berakhir 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Terimaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Mei 2021 bagi Bahagian Perancangan berjumlah **RM 806,452.72** dan Bahagian Lanskap berjumlah **RM 66,620.00**.

**Tindakan: Jabatan Perancangan Dan Lanskap**

**4.3.6 Laporan Hasil Unit Pusat Setempat (OSC)**

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Unit Pusat Setempat (OSC) berakhir 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Terimaan keseluruhan yang berjaya dikutip sehingga 31 Mei 2021 berjumlah **RM 362,394.64** bersamaan dengan 36% dari Bajet 2021.

**Tindakan: Unit OSC**

**4.3.7 Laporan Hasil Jabatan Kawalan Bangunan**

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Kawalan Bangunan berakhir 31 Mei 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Terimaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Mei 2021 adalah **RM 417,592.80** bersamaan dengan 69% dari Bajet 2021.

**Tindakan: Jabatan Kawalan Bangunan**

**6.0 HAL-HAL LAIN**

6.1 Ahli Majlis, Encik Nor Saidi Bin Nanyan membangkitkan isu gelendangan yang tinggal tanpa kebenaran di bangunan milik persendirian. Isu ini akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan.

**Tindakan: Jabatan Khidmat Pengurusan**

6.2 Ahli Majlis, Encik Kamarudzaman Bin Mustafa mencadangkan supaya jabatan membentangkan senarai laporan tunggakan cukai taksiran dan sewaan dalam mesyuarat ini setiap bulan.

**Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**
**Jabatan Kesihatan Persekitaran**

## 7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli mesyuarat sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.10 pagi.

**Disediakan oleh,**

**(AINA BINTI YUSOF)**
**Pencatat Minit**

**Disemak oleh,**

**(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK.)**
**Setiausaha**
**Majlis Perbandaran Langkawi**
**Bandaraya Pelancongan**
**Kedah Darul Aman**

**Disahkan oleh,**

**(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)**
**Yang Dipertua**
**Majlis Perbandaran Langkawi**
**Bandaraya Pelancongan**
**Kedah Darul Aman**

Fail rujukan Perbendaharaan:

Agenda 6.0

6.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 3/2021 bertarikh 23 Jun 2021

# MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PELESENAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN BIL. 3/2021

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 23 Jun 2021 |
| MASA | : | 11.30 pagi |
| TEMPAT | : | Aplikasi Google Meet<br>Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,<br>Majlis Perbandaran Langkawi<br>Bandaraya Pelancongan |

**KEHADIRAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Y. Bhg. Tuan Radzuan Bin Osman, AMK., BCK<br>Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi<br>Bandaraya Pelancongan | - Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Saiful Anwar bin Azmi, AMK., BCK.<br>Pegawai Daerah Langkawi<br>Pejabat Daerah Langkawi | |
| 3. | Mohd Noorazidi Bin Yunus<br>Jurutera Daerah<br>Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi | |
| 4. | Jurutera Daerah<br>PlanMalaysia@Kedah<br>(Hj Mustafa Bakri b Alias Sani) | - Wakil |
| 5. | Ketua Polis Daerah Langkawi<br>Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi<br>(Insp. ASP Nurazean bt Md Sobri) | - Wakil |
| 6. | Penolong Penguasa Bomba<br>Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi<br>(Encik Jasni Bin Khairuddin) | - Wakil |
| 7. | Encik Dhurairaj a/l Ramasamy, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 8. | Puan Azlina bt Azinan<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 9. | Encik Zubir bin Ahmad, BKM<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 10. | Encik Elias bin Othman<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. | Encik Look Sia Hing, AMK, BKM, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. | Encik Kamarudzaman bin Mustafa<br>Ahli Majlis | - Ahli |

13. Encik Safari bin Shaberi - Ahli
Ahli Majlis

14. Encik Nordin bin Ali - Ahli
Ahli Majlis

15. Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan - Setiausaha

**TURUT HADIR**

1. Encik Azli bin Abd Rani, BCK
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekitaran

2. Encik Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan

3. Mohd Zulidzham bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Unit OSC

4. Cik Siti Aisyah Binti Mohd Taib
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap

5. Encik Muhamad Hisyam b. Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan

6. Encik Mohamad Khairul Azmi b. Ghazali
Penolong Pengawai Penguatkuasa
Jabatan Penguatkuasa

7. Encik Ridzuan bin Indam
Pengurus Cawangan
SWCorp Cawangan Langkawi

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Puan Hisham Suhaily binti Othman, KMN, AMK, BKM
Ahli Majlis

2. Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Langkawi

3. Puan Anis Salihah bt. Zabudin
Pegawai Tadbir
Jabatan Khidmat Pengurusan

**URUS SETIA**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Puan Siti Shafinaz binti Bahador<br>Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran | - Urus setia |
| 2. | Puan Shafina binti Othman<br>Pembantu Kesihatan Awam | - Pencatat Minit |

## 1.0 ALUAN PENGERUSI

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan & Kebersihan Bil 3/2021 yang mana ini adalah pertama kali Mesyuarat Jawatankuasa Tetap ini diadakan secara atas talian. Tuan Pengerusi juga memaklumkan mesyuarat ini perlu juga diadakan bagi memastikan semua permohonan lesen dapat diproses seperti biasa dan pemohon dapat menjalankan perniagaan dalam kadar segera.

Tuan Pengerusi juga turut memaklumkan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, telah membuat penurunan kuasa Seksyen 25, Akta 342, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit kepada pihak PBT. Oleh yang demikian, pihak Majlis Perbandaran Langkawi juga turut bersama-sama pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan Polis membuat pemantauan ke atas pematuhan SOP. Tuan Pengerusi juga turut memaklumkan sehingga 23 Jun 2021, sebanyak 4 kompaun telah dikeluarkan melibatkan kesalahan iaitu keluar melebihi 10km – 2 kompaun, tidak menyediakan "*hand sanitizer*" – 1 kompaun dan keluar rumah tanpa alasan yang munasabah – 1 kompaun.

Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai Program Sanitasi Awam yang dijalankan oleh pihak Majlis dalam membantu Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi melakukan sanitasi di kawasan-kawasan tertentu. Selain itu, kerja-kerja sanitasi awam juga dibuat di pasar awam dan gerai-gerai milik Majlis dalam memastikan bahawa tempat-tempat awam selamat untuk dikunjungi.

Tuan Pengerusi juga memaklumkan pihak Majlis juga turut sama membantu Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Daerah Langkawi dalam persiapan tempat di Pusat Pemberian Vaksin. Ini adalah salah satu sumbangan dan kerjasama yang dapat diberikan oleh pihak Majlis kepada usaha kerajaan dalam menjayakan program vaksinasi negara dan seterusnya mencapai imuniti kelompok dalam kadar segera terutamanya di Langkawi.

**Tindakan: Makluman**

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PELESENAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN BIL 02/2021 BERTARIKH 29 APRIL 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil. 02/2021 bertarikh 29 April 2021 dibentangkan dan dicadangkan untuk disahkan. Encik Elias bin Othman mencadangkan untuk disahkan dan disokong oleh Encik Kamarudzaman bin Mustafa.

**Tindakan : Makluman**

## 3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

### 3.1 Permohonan mendapatkan Lesen Tred oleh Vinesh Sinha (Fathopes Energy Sdn. Bhd.) di alamat No. 2, Taman Harmoni, Mukim Ulu Melaka, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Di tangguh untuk rujukan Jabatan KPDNHEP dan dimaklum fungsi Jabatan tersebut dari segi kawalan harga dan barang kawalan yang diwarta. Pihak KPDNHEP tidak terlibat dengan pusat pengumpulan minyak terpakai. Namun pemohon telah **mendapatkan lesen menjual, mengalih, dan menyimpan keluaran kelapa sawit yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia** bertarikh 09 April 2021 sehingga 31 Mac 2022. Minyak-minyak yang dikumpul akan dieksport untuk dijadikan bahan biodiesel.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

### 3.2 Permohonan mendapatkan Lesen Tred oleh Lim Chee Kheng (Belanga Pecah Enterprise) di alamat Lot 1022, Kampung Bukit Putih, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Di tangguh untuk rujukan Ibupejabat Polis Daerah Langkawi (IPD). Pada 03 Mei 2021, Bahagian Pelesenan telah menerima surat ulasan dari pihak Ibupejabat Polis Daerah Langkawi (IPD) No. Rujukan: 61/21 dan pihak Ibupejabat Polis Daerah Langkawi (IPD) tiada halangan untuk meluluskan permohonan ini.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** Lesen Kadar Sementara dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

### 3.3 Permohonan Rayuan Lesen Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan oleh Loh See Beng (Furusato Reflexology & Beauty) di alamat HS(M)9-96, Lot 2844 Jalan Teluk Baru, Pantai Tengah, Mukim Kedawang, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman

Di tangguh untuk rujukan Ibupejabat Polis Daerah Langkawi (IPD). Bahagian Pelesenan telah menerima surat ulasan dari pihak Ibupejabat Polis Daerah Langkawi (IPD) No. Rujukan: 61/52 bertarikh 29 April 2021 dan pihak Ibupejabat Daerah Langkawi (IPD) tiada halangan untuk meluluskan permohonan ini.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** Lesen Kadar Sementara dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**3.4 Permohonan Rayuan Lesen Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan oleh Wathida Sae Chan @ Chan Han Yee (Chan Beauty & Spa) di alamat No. 16, Tingkat 1, Pusat Mas, Jalan Kelibang, Mukim Kuah, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Di tangguh untuk rujukan Ibupejabat Polis Daerah Langkawi (IPD). Bahagian Pelesenan telah menerima surat ulasan dari pihak Ibupejabat Daerah Langkawi 61/52 bertarikh 29 April 2021 dan pihak Ibupejabat Daerah Langkawi tiada halangan untuk meluluskan permohonan ini.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

## 4.0 MEMBENTANG TAKLIMAT DAN LAPORAN-LAPORAN

**4.1 Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran bagi bulan Mei 2021.**

Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Langkawi bagi bulan Mei 2021 dibentangkan oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Persekitaran untuk makluman ahli-ahli mesyuarat. Laporan yang dibentangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

4.1.1 Kerja-Kerja Kawalan Vektor

4.1.2 Laporan Bulanan Tandas Awam

- Jumlah kutipan bayaran masuk tandas bulan Mei 2021 adalah sebanyak RM 2,195.00.
    - Bermula pada 25 Mei 2021 sebanyak 6 buah tandas awam terpaksa ditutup semasa akibat kekurangan penggunaan selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pandemuk Covid 19. Kakitangan yang terlibat ditugaskan untuk membuat kawalan pematuhan SOP di pasar-pasar awam MPLBP.

4.1.3 Laporan Bulanan Kerja-kerja Pembersihan Gerai

4.1.4 Program Gotong-Royong

4.1.5 Makluman tunggakan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) sehingga Mei 2021 adalah sebanyak RM 9,705,869.25

4.1.5 Status Terkini Loji Insinerator

- Kerja-kerja Ujian dan Pentauliahan (T&C) dalaman kali kedua diadakan pada 15 Jun 2021 yang dijalankan selama 45 hari sebelum keputusan ujian diperolehi.
- Operasi Loji Insinerator dijangka akan dimulakan setelah selesai kerja-kerja Ujian & Pentauliahan (T&C) dari KPKT.

4.1.6 Laporan Kerja-Kerja Kawalan Pematuhan SOP dan Sanitasi Awam Covid-19 di Pasar-Pasar Awam MPLBP.

Setelah berbincang, Jawatankuasa bersetuju **mengambil maklum** Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Langkawi bagi bulan Mei 2021.

**Tindakan : Makluman**

**4.2 Laporan Bulanan Bahagian Kerja-Kerja Pembersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal oleh SWCorp dan Pembersihan Awam Cawangan Langkawi.**

Laporan Bulanan Bahagian Kerja- Kerja Pembersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal oleh SW Corp dan Pembersihan Awam Cawangan Langkawi dibentangkan oleh Pengurus Cawangan, SWCorp Cawangan Langkawi. Laporan yang dibentangkan merangkumi perkara-perkara seperti berikut :-

- Kerja-kerja Ujian dan Pentauliahan (T&C) dalaman kali kedua diadakan pada 15 Jun 2021 yang dijalankan selama 45 hari sebelum boleh diluluskan pengoperasian penuh dan setakat ini proses T&C berjalan lancar tanpa sebarang masalah teknikal.
- Kerja-kerja *engagement* bersama masyarakat dihentikan sementara disebabkan PKP namun pemantauan konsesi dijalankan seperti biasa.
- Penambahan frekuensi kutipan harian bermula pada 1 Mei 2021 manakala bagi operasi kutipan malam pada Jumaat, Sabtu & Ahad bermula pada 28 Mei 2021.

Setelah berbincang, Jawatankuasa bersetuju **mengambil maklum** Laporan Bulanan Bahagian Kerja-Kerja Pembersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal oleh SWCorp dan Pembersihan Awam Cawangan Langkawi

**Tindakan : Makluman**

## 5.0 MENIMBANG PERMOHONAN-PERMOHONAN BARU

### 5.1 Permohonan-Permohonan Lesen (11 permohonan)

**5.1.1** Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Khor Huai Juen (Homei Furniture & Design)** di alamat **Lot 915, Kampung Bayas, Mukim Ulu Melaka, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman.**

Status bangunan telah mendapat kelulusan permit bangunan sementara ruj. MPLBP/D/2/21/12 (36) yang dikeluarkan pada tahun 2020.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan Lesen Kadar Sementara** bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.2 Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** ( Pejabat dan Setor TNB Daerah Langkawi) oleh **Tenaga Nasional Berhad)** di alamat **No. 1, Lebuhraya Langkawi, Mukim Kuah, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Status bangunan telah mendapat kelulusan pelan bangunan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis dan telah mempunyai sijil kelulusan CCC.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan Lesen Premis** bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.3 Permohonan Mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Baderun bin Hashim (Kelibang Padu Enterprise)** di alamat **Lot 1.15, Arked Island, Lot 1082 Island Plaza (MARA), Mukim Padang Matsirat, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.4 Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Mohd Fahmee bin Zainol (Mesra Sejati Enterprise)** di alamat **Kampung Kenyum, Mukim Ulu Melaka, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Status bangunan telah mendapat kelulusan permit bangunan sementara ruj. MPLBP/D/4/03/2021(04) bertarikh 21 Februari 2021.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan Lesen Kadar Sementara** bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.5 Permohonan Mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Ahmad Faizul bin Zainol Abidin (Malaysia Airport Corporate Office)** di alamat **LotL1L22, L1L23, L1L24 & L1L25 Level 1, Arrival Hall, LTAB Padang Matsirat, Mukim Padang Matsirat, 07100 Langkawi Kedah Darul Aman**

Status bangunan tersebut telah mendapat kelulusan kebenaran merancang (KM) dan pelan pindaan bangunan, namun belum mempunyai Sijil Layak Menduduki (CCC). Permohonan juga masih

mempunyai Sijil Layak Menduduki (CCC). Permohonan juga masih belum mendapat surat sokongan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju permohonan ini **ditangguh** sehingga pemohon mengemukakan surat sokongan daripada pihak Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.6 Permohonan Mendapatkan **Lesen Establisymen Makanan** oleh **Neoh Kheng Joo (Water Garden LGK Restaurant)** di alamat **No. 89, Jalan Pandak Mayah, Pusat Bandar Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.7 Permohonan Mendapatkan **Lesen Establisymen Makanan** oleh **Chai Khan Seong (Yi San Restaurant)** di alamat **No. 20A, Jalan Pelangi 2, Dayang Walk, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.8 Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Ang Soon Tat (ABC Rainbow Care Centre)** di alamat **No. 6, Lorong Putra 2, Taman Sri Dayang, Mukim Kuah, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Status bangunan tersebut merupakan kediaman rumah teres 2 tingkat namun kediaman tersebut terletak di lot tengah dan pemohon tidak mengemukakan surat kebenaran/izin untuk menjalankan perniagaan sebagai TASKA daripada jiran bersebelahan.

Premis juga tidak mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan mengikut garis panduan penubuhan Tadika dan Taska yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu premis tersebut tidak berada di kedudukan *end lot*.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju permohonan tersebut **ditolak**.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

5.1.9 Permohonan Mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Norlia binti Ismail (Taska Gema)** di alamat **No. 16. Taman Sri Dayang, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Status bangunan tersebut merupakan kediaman rumah teres 2 tingkat namun kediaman tersebut terletak di lot tengah dan pemohon telah mengemukakan surat kebenaran/izin untuk menjalankan perniagaan sebagai TASKA daripada jiran bersebelahan iaitu Che Asri bin Said

(45032-02-5293) – No. 15, Taman Sri Dayang dan Abu bin Said (550902-02-5853) – No. 17, Taman Sri Dayang.

Walaubagaimanapun premis tersebut tidak mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan mengikut garis panduan penubuhan Tadika dan Taska yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu premis tersebut tidak berada di kedudukan *end lot*.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju permohonan tersebut **ditolak.**

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**5.1.10** Permohonan Mendapatkan **Lesen Tempat Letak Kereta** oleh **Ishak bin Yunus (Papago Sdn. Bhd.)** di alamat **No. 1, Lot 1806, Kilang 1, Jalan Ayer Hangat, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**

Tapak letak kereta tersebut merupakan tapak hak milik Resorts World Langkawi yang mempunyai 100 lot parkir.

Jabatan Kawalan Bangunan memaklumkan permohonan tersebut adalah tidak berkaitan dan tidak memerlukan ulasan teknikal daripada jabatan tersebut.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**5.1.11** Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Tan Cheng Yam (Sri Guan Teik Credit Sdn. Bhd.)** di alamat **No. 119, Persiaran Bunga Raya, Langkawi Mall, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**

Pemohon tersebut telah menjalankan perniagaan Perkhidmatan Peminjam Wang sebelum ini dan berpindah dari Lot 57, Persiaran Bunga Raya, Langkawi Mall dan bangunan tersebut telah mempunyai kelulusan pelan bangunan dan Sijil Layak Menduduki (CCC). Pemohon juga telah mendapat kelulusan Lesen Pemberi Pinjam Wang dibawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1952 dibawah KPKT.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran**

## 6.0 HAL-HAL LAIN

### 6.1 Situasi Semasa Lesen Premis Perniagaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

Perngarah Jabatan Kesihatan Persekitaran memaklumkan bahawa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula Mac 2020, terdapat 56 premis telah ditutup dan 607 premis masih belum memperbaharui lesen premis perniagaan bagi tahun 2021

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**6.2 Pengumpulan data bagi peniaga yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan**

Tuan Hj Mustafa Bakri b Alias Sani mencadangkan untuk membuat pengumpulan data melalui borang permohonan/rayuan bagi pemilik lesen premis perniagaan yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan untuk dipanjangkan ke peringkat Persekutuan bagi memohon bantuan bagi meringankan beban pemegang-pemegang lesen.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**6.3 Proses sanitasi awam di kawasan Ulu Melaka.**

Ahli Majlis Encik Zubir bin Ahmad memohon untuk pihak Majlis menjalankan proses sanitasi awam di kawasan Ulu Melaka.

Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran memaklumkan bahawa kawasan atau Premis yang terlibat dengan kes Covid 19 telah dibuat sanitasi oleh Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

**6.4 Cadangan memperluaskan liputan kawasan bagi kempen vaksinasi ke kawasan kampung-kampung**

Ahli Majlis Pn. Azlina binti Azinan mencadangkan untuk pihak Majlis memperluaskan liputan kawasan bagi kempen vaksinasi ke kawasan kampung-kampung bagi membantu usaha mempercepatkan liputan vaksinasi bagi penduduk Langkawi bagi mencapai imuniti kelompok.

Tuan Pegawai Daerah memaklumkan Jabatan Penerangan juga telah mengadakan hebahan melalui hebahan bergerak menggunakan kenderaan van.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran**

## 7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas semua pandangan dan idea yang dikemukakan sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

**Disediakan oleh,**

**SHAFINA BINTI OTHMAN**
**Pencatat Minit,**
**Jawatankuasa Tetap Pelesenan, Kesihatan dan Kebersihan**

**Disemak oleh,**

**NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK**
**Setiausaha,**
**Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Kedah Darul Aman**

**Disahkan oleh,**

**RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.**
**Yang Dipertua,**
**Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Kedah Darul Aman**

Agenda 6.0

6.3 Minit Mesyuarat
Jawatankuasa Tetap Pentadbiran
dan Pelancongan
Bil 3/2021 bertarikh 24 Jun 2021

# MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PENTADBIRAN DAN PELANCONGAN BILANGAN 3/2021

TARIKH : 24 Jun 2021( Khamis )

MASA : 10.00 Pagi

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus Aras 3

PAUTAN LINK : https://meet.google.com/yii-xuyd-jkd

**KEHADIRAN**

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK.
   Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi - Pengerusi
2. Tuan Haji Saiful Anwar bin Azmi.,AMK.,BCK
   Pejabat Daerah Langkawi - Ahli
3. Encik Shajiddeen bin Shaari
   Lembaga Pembangunan Langkawi - Wakil
4. ASP Nurazean binti Md Sobri
   Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi - Wakil
5. Tn. Haji Mohd Noorazidi bin Hj. Yunus
   Jabatan Pengairan dan Saliran - Ahli
6. Encik Dhurairaj a/l Ramasamy., PJK
   Ahli Majlis - Ahli
7. Encik Mazlan bin Ahmad., PJK
   Ahli Majlis - Ahli
8. Encik Elias bin Othman., BKM., PJK., PPN
   Ahli Majlis - Ahli
9. Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim
   Ahli Majlis - Ahli
10. Puan Hisham Suhaily binti Othman., KMN., AMK., BKM
    Ahli Majlis -Ahli

| | |
|---|---|
| 11. Puan Azlina binti Azinan<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. Encik Ahmad Nadzri bin Ali<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. Encik Selvakumaran a/l G. Arpaya<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. Encik Amar Pared bin Mahamud<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. Tn. Haji Hasim bin M. Noh., AMK., BKM., PPN., PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK<br>Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi | - Setiausaha |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Encik Tuan Haji Ku Jamaludin bin Ku Abd Razak
   Jabatan Pembangunan Masyarakat
2. Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi

**TURUT HADIR**

1. Encik Azli bin Abd Rani, BCK
   Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran
2. Tuan Haji Fauzi bin Ahmad, BCK
   Pengarah Jabatan Kejuruteraan
3. Puan Anis Sallihah binti Zabudin
   Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Rashila binti Abdullah
   Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Puan Harzanin bin Harun
   Pengarah Jabatan Perbendaharaan

6. Cik Siti Aisyah binti Mohamad Taib
   Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap

7. Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
   Arkitek
   Jabatan Kawalan Bangunan

8. Encik Mohd Farid bin Md Ali
   Jurutera
   Jabatan Kejuruteraan

9. Encik Mohd Zulidzham bin Mohd Ali
   Pegawai Perancang Bandar dan Desa
   Unit OSC

10. Puan Che Asma bin Che Azmi
    Juruaudit

11. Encik Mohamad Khairul Azmi bin Ghazali
    Jabatan Penguatkuasaan

12. Puan Manisah binti Hj.Manap
    Setiausaha Pejabat
    Pejabat Yang Dipertua

**URUS SETIA**

1. Puan Faezah binti Abdullah - Pencatat Minit
   Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 ALUAN PENGERUSI

Tuan Pengerusi memberi salam dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan yang hadir mengikuti mesyuarat secara atas talian bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran Dan Pelancongan Bilangan 3/2021 pada hari ini perlu diteruskan bagi memastikan perkhidmatan majlis berjalan lancar.

Dalam ucapan Pengerusi, beliau turut memaklumkan beberapa perkara berikut :-

i) Tuan Pengerusi memaklumkana sepanjang tempoh PKP 3.0 ini semua urusan di Majlis Perbandaran Langkawi berjalan secara atas talian. Semua pembayaran boleh dibuat secara *'onlin'e* dan urusan-urusan lain boleh berhubung terus dengan pegawai-pegawai yang terlibat melalui e-mel dan juga telefon bagi memudahkan urusan. Kakitangan Majlis Perbandaran Langkawi Bekerja Dari Rumah (BDR) kecuali Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Bahagian Landskap dan juga perkhidmatan perlu dan mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN.

ii) Beliau turut memaklumkan mengenai keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kedah pada 23 Jun 2021 telah memutuskan bahawa bagi memulihkan sektor pelancongan di Langkawi, Kerajaan memutuskan untuk membenarkan gelembung perjalanan *'bubble travel'* yang disasarkan akan bermula pada September ini. Untuk itu, satu program vaksinasi khas akan dilaksanakan sekurang-kurangnya 80% atau 61,000 penduduk Langkawi divaksin dengan sekurang-kurangnya satu dos. Menerusi program gelembung perjalanan, pelancong yang lengkap dua dos boleh berkunjung ke Langkawi tanpa halangan dan mematuhi setiap arahan dan SOP yang telah ditetapkan dari masa ke semasa.

iii) Tuan Pengerusi turut memaklumkan mengenai lawatan beliau bersama Ahli Majlis dan Pegawai Daerah Langkawi berkaitan isu gelandangan di Kelana Mas, Kuah Langkawi. Kebanyakan daripada gelandangan yang ditemui mempunyai masalah akibat kesempitan hidup dan tersisih dari keluarga. Pejabat Daerah Langkawi dan agensi berkaitan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi isu gelandangan.

Mesyuarat diteruskan seperti agenda.

**Tindakan: Makluman**

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PENTADBIRAN DAN PELANCONGAN BILANGAN 2/2021 BERTARIKH 29 APRIL 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran Dan Pelancongan Bilangan 2/2021 bertarikh 29 April 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Encik Elias bin Othman dan disokong oleh Puan Hisham Suhaily binti Othman., KMN., AMK., BKM tanpa sebarang pindaan.

**Tindakan : Makluman**

## 3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

### 3.1 *'Hoarding'* di Hadapan Hotel Aseania Langkawi

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara tersebut telah selesai diambil tindakan oleh pihak Lembaga Pembangunan Langkawi pada 27 Mei 2021.

Mesyuarat bersetuju agar perkara ini digugurkan dari minit mesyuarat akan datang.

**Tindakan : Makluman**

### 3.2 Penguatkuasaan di Pantai Chenang

Mesyuarat dimaklumkan bahawa penguatkuasaan di kawasan Pantai Chenang masih ditangguhkan akibat Covid-19. Walaubagaimanapun aktiviti pantai adalah tidak dibenarkan pada masa kini dan pemantauan pematuhan SOP sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa.

**Tindakan : Jabatan Penguatkuasa**

### 3.3 Kertas Kerja Cadangan Pelantikan dan Pewartaan Penguatkuasa sebagai Warden Lalulintas di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Mesyuarat dimaklumkan perkara tersebut dalam tindakan deraf Notis Pengwartaan dan tindakan susulan akan dilaksanakan selepasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

**Tindakan : Unit Undang-Undang**

## 4.0 MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BAHARU

### 4.1 Jabatan Khidmat Pengurusan

#### 4.1.1 Kertas Kerja Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Oleh Encik Zainuddin bin Hussain , No.K/P: 640417-02-5373 Penghantar Notis, Gred N11 (KUP) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan Kertas Kerja Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Oleh Encik Zainuddin bin Hussain , No.K/P:640417-02-5373, Penghantar Notis, Gred N11 (KUP) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat **mengambil maklum** dan **bersetuju** dengan Kertas Kerja Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Oleh Encik Zainuddin bin Hussain , No.K/P:640417-02-5373, Penghantar Notis, Gred N11 (KUP) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan **berkuatkuasa mulai 01 Mac 2022.**

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan/Makluman**

### 4.2 Unit Korporat Dan Perhubungan Awam

#### 4.2.1 Laporan Aduan Awam Bagi Bulan April 2021 hingga Mei 2021

Laporan penerimaan aduan ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan berhubung laporan penerimaan aduan awam bagi bulan **April 2021 hingga Mei 2021** :-

| BIL | JABATAN | April 2021 – Mei 2021 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | TERIMA | SELESAI | DALAM TINDAKAN |
| 1. | Penguatkuasaan | 29 | 19 | 10 |
| 2. | Kejuruteraan | 4 | 2 | 2 |
| 3. | Lanskap | 13 | 6 | 7 |
| 4. | Kesihatan Persekitaran | 1 | 1 | - |
| 5. | Kawalan Bangunan | 1 | 1 | - |
| | JUMLAH | 48 | 29 | 19 |

Mesyuarat mengambil maklum laporan Aduan Awam yang dibentangkan.

**Tindakan : Makluman**

## 5.0 HAL-HAL LAIN

### 5.1 Vaksin Covid-19

Encik Ahmad Nadzri bin Ali , Ahli Majlis membangkitkan isu mengenai pemberian vaksin. Beliau berharap agar peniaga-peniaga di Langkawi diberi keutamaan dalam isu pemberian vaksin pada masa kini. Memandangkan peniaga terutamanya di pasar-pasar awam merupakan individu yang berurusan dengan orang ramai pada setiap hari.

Tuan Pegawai Daerah memohon agar menyenaraikan nama-nama peniaga secara terperinci dan menghantar senarai tersebut di Pejabat Daerah Langkawi untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan : Jab. Kesihatan Persekitaran/**
**Pejabat Daerah Langkawi**

### 5.2 Gelembung Perjalanan di Pulau Langkawi

Tuan Pegawai Daerah Langkawi memaklumkan mengenai keputusan Mesyuarat berkaitan aktiviti pelancongan yang akan dilaksanakan pada bulan September 2021 akan datang di Langkawi. Secara tidak langsung penduduk Langkawi akan mendapat faedah daripada keputusan kerajaan. Namun begitu, terdapat juga penduduk yang tidak senang mengenai keputusan tersebut memandangkan covid-19 pada masa kini masih tidak lagi menunjukkan trend penurunan.

Turut dimaklumkan masih ramai penduduk Langkawi yang masih belum mendapatkan suntikan vaksin tersebut. Beliau berharap agar pihak Majlis Perbandaran Langkawi dan agensi kerajaan yang lain dapat membantu dari segi hebahan kepada penduduk Langkawi mengenai kepentingan suntikan vaksin kepada orang ramai bagi membendung penularan Covid-19 pada masa kini.

**Tindakan : Makluman**

**5.3 Penguatkuasaan Anjing Liar**

Tuan Pegawai Daerah memohon agar dipertingkatkan penguatkuasaan dan tangkapan ke atas anjing liar. Ini adalah kerana terdapat peningkatan aduan terhadap anjing liar di Langkawi.

**Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan**

**5.4 Penerimaan Penduduk Langkawi Mengenai Gelembung Perjalanan**

Puan Azlina binti Azinan, Ahli Majlis turut membangkit isu penerimaan penduduk Langkawi mengenai gelembung perjalanan yang akan dibuka pada bulan September ini. Beliau memohon agar promosi dipertingkatkan bagi menarik lebih ramai pelancong disamping persiapan dari segi infrastruktur untuk pelancong yang akan datang nanti.

**Tindakan : Makluman**

**5.5 Kebersihan Di Langkawi**

Puan Hisham Suhaily binti Othman, Ahli Majlis turut membangkit kan isu berkaitan kebersihan di Pantai Chenang yang viral baru-baru ini. Keadaan tersebut seolah-olah mengambarkan Pihak Berkuasa Tempatan tidak menjalankan kerja-kerja kebersihan di kawasan tersebut serta terbiar tanpa pengawasan.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Majlis Perbandaran Langkawi yang prihatin mengenai isu gelandangan di Langkawi.

**Tindakan : Makluman**

### 5.6 Pematuhan SOP

Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim, Ahli Majlis membangkit isu pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) terutamanya ketika menaiki feri sama ada perjalanan dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah. Ini adalah kerana terdapat penumpang yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan dan keadaan ini telah menyebabkan sering menjadi viral di media-media massa. Selain itu, tiada penjarakan fizikal di dalam feri penumpang.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa SOP di dalam feri dan juga pengangkutan awam sebelum ini adalah atas kapasiti 100% penumpang dan untuk SOP terbaru bagi tempoh PKP 3.0 ini dikurangkan kepada 50% kapasiti penumpang. Walaubagaimana pun, pemantauan SOP di pintu masuk utama ke Langkawi perlu diberi perhatian yang lebih.

**Tindakan : Makluman**

### 5.7 Kerosakan Tandas Di Pasar Awam Kuah Langkawi

Encik Selvakumaran a/l G.Arpaya, Ahli Majlis membangkit isu tandas awam di Pasar Awam Kuah yang telah rosak.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerosakan di tandas awam tersebut telah diambil tindakan oleh Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dan pembaikan telah pun dibuat. Walaubagaimana pun, vandelisme tetap berlaku di kawasan tersebut setelah pembaikan dibuat.

**Tindakan : Makluman**

### 5.8 Kemasukkan Pelancong Di Langkawi

Encik Mazlan bin Ahmad, Ahli Majlis membangkit isu mengenai kemasukkan pelancong ke Langkawi apabila gelembung perjalanan di laksanakan telah memberi nafas lega kepada peniaga-peniaga dan industri pelancongan di Langkawi yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Namun begitu, semua penduduk Langkawi dan juga agensi-agensi penguatkuasa dan keselamatan haruslah sentiasa peka dengan keadaan semasa yang dialami pada masa kini.

Baliau juga berharap agar wakil daripada Pejabat Daerah Langkawi dapat memberi data mengenai permohonan e-Kasih di Langkawi.

Tuan Pengerusi mencadangkan agar wakil daripada Pejabat Daerah Langkawi dapat memberi taklimat berkaitan permohonan dan kelulusan e-kasih pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan : Makluman**

## 6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan rasa bersyukur dengan keputusan oleh Kerajaan Negeri Kedah bagi membantu penduduk di Langkawi terutamanya . Justeru itu, dipohon semua jabatan dan agensi untuk bekerjasama mengembeling tenaga membantu merealisasikan hasrat kerajaan membangunkan Pulau Langkawi semasa tempoh Covid-19.

Ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan yang sentiasa memberi cadangan dan pandangan dari masa ke semasa.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.10 pagi dengan ucapan terima kasih oleh Tuan Pengerusi.

**Disediakan oleh,**

**(FAEZAH BINTI ABDULLAH)**
**Pencatat Minit**

**Disemak oleh,**

**(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK)**
**Setiausaha**
**Majlis Perbandaran Langkawi**
**Bandaraya Pelancongan**
**Kedah Darul Aman**

**Disahkan oleh,**

**(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)**
**Yang Dipertua**
**Majlis Perbandaran Langkawi**
**Bandaraya Pelancongan**
**Kedah Darul Aman**

Fail rujukan Jabatan Khidmat Pengurusan: **MPLBP.PEN.21/2018( MJKT Pentadbiran Dan Pelancongan )**

Agenda 6.0

6.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 3/2021 bertarikh 24 Jun 2021

# MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM. BIL 3/2021

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 24hb.Junl 2021 (Khamis) |
| MASA | : | 11.30 pagi. |
| TEMPAT | : | Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,<br>Majlis Perbandaran Langkawi |

**KEHADIRAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK.<br>Yang Dipertua<br>Majlis Perbandaran Langkawi<br>Bandaraya Pelancongan | - Pengerusi |
| 2. | Pegawai Daerah<br>Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi<br>Negeri Kedah Darul Aman.<br>(Tn. Haji Saiful Anwar b. Azmi. AMK,. BCK.) | -Ahli. |
| 3. | Ketua Pegawai Eksekutif<br>Lembaga Pembangunan Langkawi<br>( Muhammad Fakharie b. Che Pee) | -Wakil |
| 4. | Ketua Polis Daerah<br>Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi<br>(ACP Shariman b. Ashari) ) | - Ahli. |
| 5. | Pengarah Plan Malaysia @ Kedah<br>Negeri Kedah Darul Aman.<br>(Tn. Hj. Mustafa Bakri b. Alias Sani.) | -Ahli |
| 6. | Jurutera Daerah<br>Jabatan Pengairan Dan Saliran<br>(En Mohd. Azizan bin Ajimin) | -Ahli. |
| 7. | Jurutera Daerah<br>Jabatan Kerja Raya.<br>(En. Mohd. Khairul Anwar b. Mohd. Noor) | - Wakil |
| 8. | En. Kamarudzaman b. Mustafa<br>Ahli Majlis. | -Ahli |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | En. Mazlan b. Ahmad, PJK<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 10. | En. Ahmad Nadzri b. Ali.<br>Ahli Majlis | -Ahli |
| 11. | En. Nor Saidi b. Nayan,BCK,BKM,JP.<br>Ahli Majlis | -Ahli |
| 12. | Noor Hashimah bt. Abu Hashim<br>Ahli Majlis | -Ahli |
| 13. | Tn Hj. Hashim b. M. Noh, AMK,.BKM,.PPN,. PJK.<br>Ahli Majlis. | -Ahli |
| 14. | En. Fadzil b. Talib, AMK,. BKM,.PJK.<br>Ahli Majlis. | -Ahli |
| 15. | En. Safari b. Shaberi<br>Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. | En. Nordin b. Ali<br>Ahli Majlis | -Ahli |
| 17. | Puan Noorul Azyyati bt. Ahmad Salmi, BCK.<br>Setiausaha<br>Majlis Perbandaran Langkawi<br>Bandaraya Pelancongan | -Setiausaha |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF.**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Pegawai Kesihatan Daerah<br>Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi. | -Ahli |

**TURUT HADIR.**

1. Fauzi bin Ahmad
   Pengarah Jabatan Kejuruteraan.

2. Mohd. Zulidzham b. Mohd. Ali.
   Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
   Jabatan OSC.

3. Rashila bt. Abdullah.
   Pengarah Jabatan Penilaian.

4. Azli b. Abd. Rani.
   PengarahJabatan Kesihatan Persekitaran. Persekitaran.

5. Harzanin bt. Harun
   Pengarah Jabatan Perbendaharaan.

6. Siti Aisyah bt. Mohd. Taib.
   Penolong Pegawai Pertanian..

7. Muhamad Hisham b. Zainal Aznam.
   Arkitek
   Jabatan Kawalan Bangunan.

8. Mohd. Farid b. Md. Ali
   Jurutera.

9. Mohd. Fatkhy b. Mohd. Jamil
   Pegawai Undang-undang

10. Che Asma bt. Che Azmi
    Pengarah Juruaudit.

11 Mohamad Khairul Azmi b. Ghazali
   Pen. Pegawai Penguatkuasa.

**URUSETIA**

1. En. Ismail b. Zakaria - Pencatat Minit
   Pembantu Tadbir
   Jabatan Kejuruteraan

## 1.0 ALUAN PENGERUSI.

Tuan Pengerusi memberi salam dan seterusnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis serta Ahli Mesyuarat yang berada ditalian melalui google meet.

Tuan Pengerusi memaklumkan, walaupun pendamik Coronovirus masih berleluasa, kerja-kerja penting untuk kepentingan awam terpaksa diteruskan juga dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi juga memaklumkan juga berkaitan kaedah proses bagi mempercepatkan proses kelulusan suatu projek pembangunan. Perkara ini boleh dirujuk kepada pihak Kulim Hightech yang telah berjaya mempercepatkan proses berkenaan dalam jarak masa yang singkat.

Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa pihak PBT diminta bagi membantu peniaga-peniaga kecil yang terkesan dengan pandemik ini dengan penyediaan kiosk-kiosk niaga bagi kelansungan hidup.

Seterusnya Tuan Pengerusi memaklumkan keputusan EXCO Kerajaan negeri berkaitan pembukaan sektor pelancongan pada September nanti. Penglibatan semua jabatan-jabatan di Langkawi perlu di gembeleng bersama bagi membuat penyediaan untuk menyambut kedatangan para pelancong nanti. Kemudahan infrastruktur sedia ada perlu dipastikan sentiasa berada dalam keadaan sempurna.

Mesyuarat seterusnya diteruskan mengikut agenda.

**Tindakan: Makluman.**

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BIL 1/2021 BERTARIKH 2HB. MAC 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bil 1/2021 bertarikh 2hb. Mac 2021 dibentangkan oleh Puan Setiausaha dan dipersetujui untuk disahkan dengan pindaan melalui cadangan oleh Tn Hj. Hashim b. M. Noh dan disokong oleh Encik Nor Saidi b. Nayan.

**Tindakan: Makluman**

## 3.0 PERKARA BERBANGKIT

### 3.1 Pemasangan Lampu Lintasan Berisyarat Di Hadapan Sek Ren. Keb. Ewa, Ayer Hangat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan. Projek berkenaan dijangka siap pada 11/7/2021 nanti.

Mesyuarat bersetuju agar perkara ini digugurkan dari minit mesyuarat akan datang.

**Tindakan: Jab. Kerja Raya.**

### 3.2 Menaiktaraf Persimpangan Ke Taman Nilam.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan berkenaan di dalam senarai peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19hb. Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan: JKR**

### 3.3 Masalah Longkang Di Jalan Kampong Chandek Kura.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa hasil lawatan bersama pihak JKR & JPS pada 10/2/2021, tindakan pembersihan telah dilaksanakan oleh pihak konsesi JKR. Walaubagaimanapun, JKR masih menunggu kelulusan peruntukan menaiktaraf longkang berkenaan berikutan keadaan longkang sedia ada yang tidak dapat menampung kapasiti air di laluan berkenaan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan : JKR.**

### 3.4 Jalan Susur Dari Simpang Pasar Awam Pdg. Matsirat Ke Kuala Melaka Terbiar.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak LADA telah melantik kontraktor untuk kerja-kerja menurap semula dan kerja-kerja berkenaan telah mencapai 90% siap. Manakala baki bagi kerja-kerja berkaitan papan tanda sahaja masih belum sempurna sepenuhnya.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan LADA.**

**3.5. Pokok Jati Di Sepanjang Jalan Di Pulau Langkawi.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja penebangan pokok jati yang berisiko telah dapat dilaksanakan. Sekarang dalam proses penyelenggaraan kali ketiga.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan : Jab. Perancangan Dan Lanskap.**

**3.6 Garisan Kuning Di Persimpangan Kampong Teluk, Mkm. Ulu Melaka.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menghantar permohonan 30/11/2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan : JKR**

**3.7 Pemasangan Lampu isyarat di Persimpangan Jalan Ulu Melaka.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyiapkan kertas kerja dan menghantar permohonan pada 18/11/2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan: JKR**

**3.8. Pemasangan Mesin ATM Di Bangunan MPLBP Di Kg. Ulu Melaka.**

Mesyuarat mencadangkan Tn. Hj. Hashim b. Md. Noh, Ahli Majlis yang membangkitkan cadangan ini untuk menyediakan kertas cadangan daripada komuniti setempat untuk dibawa berbincang dengan pihak bank berkaitan permohonan tersebut.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan: Jab. Kejuruteraan.**

**3.9 Garisan Kuning Di Jambatan Kuala Melaka.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menghantar permohonan pada 30/11/2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)
**Tindakan : JKR**

**3.10 Pertandingan Lanskap Daerah Langkawi.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pertandingan ini ditangguhkan dahulu kerana keadaan Pandemik Covid-19 dan PKP tidak membenarkan program ini.

Mesyuarat bersetuju agar perkara ini digugurkan dahulu daripada minit mesyuarat akan datang.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)
**Tindakan: Perancangan Dan Pembangunan Lanskap.**

**3.11. Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang Di Jalan Pdg. Gaong, Ulu Melaka.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja menaiktaraf telah selesai diambil tindakan.

Mesyuarat bersetuju agar perkara ini digugurkan dari minit mesyuarat akanj datang..

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)
**Tindakan: JKR.**

**3.12. Papan Penunjuk Arah Di Persimpangan Kg. Sungai Itau.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menghantar permohonan pada 19/8/2020. Seterusnya pihak JKR juga memaklumkan sudah terdapat 2 unit papan tanda sedia ada di kawasan berkenaan. Walaubagaimanapun atas keperluan pihak JKR akan menambah 1 unit lagi papan tanda di kawasan tersebut.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)
**Tindakan: JKR.**

**3.13 Keperluan Tandas Awam di Kawasan Hujung Lapangan Terbang Langkawi.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa lukisan cadangan pelan lantai tandas berkenaan telah siap sepenuhnya. Tuan Pengerusi mencadangkan supaya satu pembentangan berkaitan pelan tandas berkenaan akan dibuat bersama Ahli Majlis nanti di dalam Mesyuarat Penuh akan datang bagi mendapatkan pandangan selanjutnya.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020
**Tindakan: Jab.Perancangan/Kawalan bangunan.**

**3.14 Lukisan Mural Bertemakan Langkawi Menjelang Tahun 2021.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa program ini akan ditangguhkan dahulu sehingga Pandemik Covid-19 pulih.

Mesyuarat bersetuju agar perkara ini digugurkan dahulu dari minit mesyuarat.

**JKT5/2020**
**/Tkh:3/12/2020**
**Tindakan: MPLBP**

**3.15 Pencahayaan Di Laluan Dalam Jeti Kuah.**

Mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini akan diambil tindakan oleh Tuan Pegawai Daerah.

Mesyuarat bersetuju perkara ini digugurkan dari minit mesyuarat.

**JKT5/2020**
**/Tkh:3/12/2020**
**Tindakan: Pegawai Daerah Langkawi.**

**3.16 Pembinaan Dataran Kejat Di Kawasan Lapang, Pdg. Matsirat.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cadangan pembinaan dataran kejat di kawasan tersebut telah dimasukkan ke dalam senarai permohonan ke 2 bagi projek BP1, walaubagaimanapun peruntukan tersebut belum mendapat kelulusan.

Tuan Pengerusi menyarankan supaya satu usaha bagi mencari alternatif lain untuk mendapatkan kelulusan terhadap permohonan tersebut.

**JKT5/2020/**
**Tkh:3/12/2020**
**Tindakan: Jab. Kejuruteraan.**

**3.17 Kerosakan Perangkap Sampah di Pasar Awam Pdg. Matsirat dan Kuah.**

Mesyuarat dimaklumkan oleh Wakil Tn Jurutera Daerah JPS, bahawa proses sebutharga perangkap sampah di dua tapak berkenaan di keluarkan pada bulan Julai nanti.

**JKT5/2020/**
**Tkh:3/12/2020**
**Tindakan: JPS**

Sulit.

**3.18 Penyediaan Taman Permainan Untuk Komuniti Tmn. Ladang Sungai Raya, Kisap.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cadangan berkenaan sedang dalam tindakan Jabatan Perancangan dan Lanskap. Cadangan tersebut bergantung kepada peruntukan dan mengikut prioriti. Sekiranya tidak dapat dilaksanakan pada tahun semasa maka cadangan tersebut akan dibawa ke tahun hadapan.

**JKT5/2020/**
**Tkh:3/12/2020**
**Tindakan: Jab. Perancangan dan Lanskap.**

**3.19 Pusat Pengumpulan Barang Lusoh di Kawasan Pusat Dagangan Kelana Mas dan Kebersihan di Kawasan Persekitaran .**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengosongan barang kitar semula telah dibuat oleh pemilik premis.

Mesyuarat juga memohon supaya skop pemantauan dikawasan berkenaan diperluaskan bukan sahaja tertumpu kepada aktiviti kitar semula tetapi merangkumi kebersihan keseluruhan dikawasan tersebut kerana didapati tahap kebersihan kawasan berkenaan amat mendukacitakan.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021
**Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran/ jabatan penguatkuasaan.**

**3.20. Operasi Kuari di Kg. Ceruk Kedawang.**

Mesyuarat bersetuju memohon pertimbangan supaya Tuan Pegawai Daerah dapat memperketatkan syarat kelulusan kuari yang akan beroperasi.

JKT1/2021/Tkh:2/3/2021
**Tindakan: Jabatan Kejuruteraan/Penguatkuasaan.**

**3.21 Penyelenggaraan Kawasan Bulatan Ke Lapangan Terbang Langkawi.**

Mesyuarat memaklumkan oleh pihak JKR bahawa penyelenggaraan kawasan bulatan lapangan terbang adalah diluar skop penyelenggaraan oleh pihak JKR.

Tuan Pengerusi telah mencadangkan supaya satu perbincangan dibuat bersama MPLBP dan JKR bagi mencari solusi terhadap perkara tersebut.

JKT1/2021/Tkh:2/3/2021
**Tindakan: JKR.**

**3.22 Longkang dan Tapak Tong Sampah di Laluan Hadapan Masjid Kelibang.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa longkang yang terdapat dikawasan berkenaan hanya separuh jalan sahaja dan telah dipenuhi tanah. Perkara ini menyebabkan berlaku banjir apabila hujan lebat kerana longkang tidak dapat menampung kapasiti air.

Mesyuarat meminta pihak JKR mengambil maklum keatas perkara ini.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

**3.23 Kerosakan Jalan Di Pantai Chenang.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa jalan berkenaan adalah Jalan persekutuan dan masih di bawah tanggungjawab pihak JKR.

Tuan Pengerusi telah mencadangkan supaya disediakan satu kertas kerja berkaitan perkara berkenaan untuk dibincangkan bagi mendapat persetujuan di dalam Mesyuarat Penuh, MPLBP akan datang dan kelulusan dari Mesyuarat Penuh berkenaan akan di majukan kepada pihak Kementerian.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

**3.24 Pencahayaan di Pantai Chenang.**

Mesyuarat dimaklumkan oleh Tn. Jurutera MPLBP bahawa terdapat perancangan bagi melaksanakan kerja-kerja pencahayaan seperti di laluan jeti Kuah, walau-bagaimanapun disebabkan kekangan pandemik coronovirus, perancangan tersebut terpaksa ditangguhkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

**3.25 Kekotoran Jalan Dihadapan Masjid Pdg. Matsirat.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembersihan jalan tersebut adalah dibawah bidang kuasa JKR kerana jalan tersebut merupakan Jalan persekutuan.

Mesyuarat bersetuju agar perkara inin digugurkan daripada minit mesyuarat akan datang.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jabatan Kesihatan Persekitaran**

3.26 **Tandas Awam Tapak Pasar Malam dan gerai MPLBP Di Pdg. Matsirat tidak beroperasi.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa penyewa tandas awam tersebut telah ditamatkan kontrak dan diambil alih oleh MPLBP. Tandas akan dibuka semula selepas selesai proses permohonan bekalan air dan bekalan elektrik.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

3.27 **Kerosakan Jalan Di Taman Vokasional, Kuah.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini telah selesai diambil tindakan.

Mesyuarat bersetuju agar minit mesyuarat ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

3.28 **Halangan di laluan Belakang Di Taman Medan Berjaya.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa notis penguatkuasaan telah dikeluark kepada Pemilik bengkel motor, PL Bintang Emas Sdn. Bhd dan Aluminium Glass &Construction.

Mesyuarat bersetuju bahawa dalam perkara ini tiada kompromi kerana ianya melibatkan keselamatan dan nyawa komuniti persekitaran.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kawalan Bangunan.**

3.29 **Bangunan Lama Di Pekan Kuah Yang Mencacatkan Pandangan. Awam.**

3.30 Mesyuarat dimaklumkan bahawa bangunan terbiar di kawasan Padang Pasir dalam tindakan pemaju. Manakala bangunan hospital lama dalam proses tukar ganti antara tanah LADA dan tanah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

3.31 **Pusat UTC di Plaza MARA Langkawi.**

Mesyuarat memohon jasa baik Tuan Pegawai daerah bagi mengambil maklum dan bagi merealisasikan cadangan ini.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Pegawai Daerah.**

**3.32 Kerosakan Struktur Jalan di Hadapan Langkawi Fair.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja penurapan jalan telah siap dilaksanakan pada 19/5/2021.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **JKR**

**3.33 Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Dari LebuhrayaKe Taman Indah.**

Mesyuarat bersetuju memohon pihak LADA mengambil maklum cadangan ini kerana jalan berkenaan adalah di atas tanah persendirian.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **LADA.**

3.34. **Penyelenggaraan Kerosakan Dan Kebersihan Papan-Papan Tunjuk Arah.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat 2 isu dalam perkara ini iaitu:-

1) Isu Kerosakan: Dalam isu ini pihak JKR telah menghantar permohonan Untuk kelulusan peruntukan ke Ibu Pejabat JKR Kedah Pada 19/8/2020 untuk tindakan selanjutnya.

2) Isu Kebersihan: Kerja pembersihan dilaksanakan pihak konsesi dari masa kesemasa mengikut rutin bulanan konsesi.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan: **JKR**

Sulit.

3.35 **Penghadang Ombak Di Teluk Puyuh, Pulau Tuba.**

Mesyuarat dimaklumkan oleh JPS bahawa rekabentuk penghadang ombak adalah nampak seolah-olah ke kawasan pantai tetapi sebenarnya setelah siap nanti baru boleh dilihat secara keseluruhan fungsi penghadang ombak tersebut.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan:**JPS**

3.36 **Pendalaman Sungai Kuah dan Pembinaan Penghadang Ombak .**

Mesyuarat dimaklumkan oleh JPS bahawa bagi pembinaan penghadang ombak yang menggunakan peruntukan yang tinggi, pihak JPS telah pun memohonnya dibawah RMK-12. Manakala kerja-kerja pendalaman sungai dalam tindakan JPS.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan: **JPS**

3.37 **" *Hoarding*" di Kawasan Kilang Kedah Marble.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak MPLBP telah menghantar surat pemakluman bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan semula kerosakan " *hoarding*" berkenaan kepada pihak berkaitan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan.**

## 4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN

### 4.1 Laporan Bahagian Kejuruteraan

**Laporan Bulanan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Bangunan**

Laporan Bulanan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Bangunan bagi bulan Jun 20201 dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Kejuruteraan untuk makluman Ahli-ahli Mesyuarat.

Sulit.

Ringkasan perlaksanaan projek-projek tersebut ialah seperti berikut :-

| BIL | PERUNTUKAN | BIL PROJEK | | KOS PROJEK | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | LULUS | DILAKSANAKAN | LULUS | SEBENAR | |
| 1 | PERUNTUKAN MPLBP | 1 | 1 | 500,000.00 | 477,000.00 | 1 PROJEK DALAM PELAKSANAAN.. |
| 2 | BP.1. PELANCONGAN | 2 | 2 | 850,000.00 | 813,000.00 | 2 PROJEK DALAM PELAKSANAAN. |
| 3 | BP.1 (PEMERKASA) | 4 | 4 | 4,000,000.00 | 946,600.00 | 4 PROJEK DALAM PELAKSANAAN. |
| | JUMLAH | 7 | 7 | 2,350,000.00 | 2,236,600.00 | |

4.1.1 Setelah berbincang, mesyuarat **mengambil maklum** Laporan Bulanan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Bangunan bagi bulan JuN 2021.

**Tindakan :JabatanKejuruteraan.**

**4.2 Laporan Bahagian Lanskap.**

**TIADA**

## 5.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU.

**TIADA.**

## 6.0 HAL-HAL LAIN.

6.1 **Perangkap Sampah Di Sungai Kuah.**

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis mencadangkan supaya satu perangkap sampah dibuat di Sungai Kuah.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: JPS.

6.2 **Halangan Kaki Lima Dan Ketidakaturan Barangan Jualan Di Kedai Taman Medan Berjaya.**

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis membangkitkan juga berkenaan sebuah kedai di Taman Medan Berjaya yang menghalang laluan kaki lima dan juga keadaan dalaman kedai yang membahayakan keselamatan apabila berlaku kecemasan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Penguatkuasaan.**

6.3 **Banjir Kilat di Kg. Perana Dan Taman Nilam.**

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan kejadian banjir yang sering berlaku dekat surau di kampong Perana dan Taman Nilam

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan..**

6.4 **Penyelenggaraan Taman Permainan Kuah Dan Masalah Gelandangan.**

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis membangkitkan juga tentang taman permainan yang tidak di selenggara dengan sempurna dan juga gelandangan yang menjadikan wakaf di kawasan berkenaan sebagai tempat penginapan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Lanskap/ Penguatkuasaan..**

6.5 **Masalah Gelandangan Di Kelana Mas Dan Dataran Mar-Mar.**

En. Fadzil b. Talib, Ahli Majlis juga membangkitkan berkaitan gelandangan yang menjadikan wakaf-wakaf di kawasan Kelana Mas dan Dataran Mar-Mar sebagai tempat penginapan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Penguatkuasaan.**

6.6 **Pembinaan Bonggol Jalan Di hadapan Sek. Ren. Keb. Pdg. Matsirat.**

En.Nadzri b. Ali, Ahli Majlis mencadangkan supaya dibina bonggol jalan di hadapan Sekolah Rendah Kebanggsaan Padang Matsirat bagi memperlahankan kenderaan terutamanya semasa sesi persekolahan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan..**

**Sulit.**

6.7 **Masalah Longkang Di laluan Jalan Pdg. Matsirat.**

En.Nadzri b. Ali, Ahli Majlis memaklumkan berkaitan longkang di laluan Padang Matsirat yang tidak dapat mengalirkan air dengan sempurna.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan..**

6.8 **Lampu Jalan Di Laluan Lapangan Terbang Antabangsa Langkawi Tidak Berfungsi.**

Tn. Hj. Hashim b. Md. Noh, Ahli majlis memaklumkan berkenaan lampu jalan di jalan ke lapangan Terbang Antarabangsa langkawi tidak berfungsi.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan..**
**Sulit**

6.9 **Penyelenggaran Di Tiang-tiang Jeti Di Jeti Kuah.**

En. Selvakumaran a/l G. Arpaya, Ahli Majlis memaklumkan berkaitan tiang-tiang jeti di Jeti Kuah tidak diselenggara kerana kelihatan terdapat tiang-tiang jeti berkenaan yang telah berkarat.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Laut.**

6.10 **Tandas Awam Di Kawasan Langkawi Mall.**

En. Selvakumaran a/l G. Arpaya, Ahli Majlis juga memaklumkan tentang keperluan sebuah tandas awam di kawasan Langkawi Mall berhampiran Bank Simpanan Nasional.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan.**

6.11 **Pembesaran Jalan , Tambahan Kiosk dan Tandas Awam di Komuniti India Kisap.**

En. Selvakumaran a/l G. Arpaya, Ahli Majlis memaklumkan tentang permohonan komuniti India di Kg. Kisap bagi pembesaran jalan ke kawasan kejiranan serta empat (4) unit kiosk dan tandas awam.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan.**

6.12 **Jadual Kutipan Sampah Berjadual.**

En. Mazlan b. Ahmad, Ahli majlis memohon supaya jadual kutipan sampah dapat dikeluarkan oleh pihak berkaitan bagi memudahkan penduduk setempat membuang sampah untuk mengelakan longgokan sampah disekitar tong-tong sedia ada.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

6.13 **Talian Bebas Tol Di Tapak tong Pembuangan Sampah.**

Pn. Noor hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis mencadangkan supaya di setiap tempat pembuangan sampah tertera nombor talian untuk menyalurkan aduan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

6.14 **Cogan kata " Sila Masukkan Sampah Ke Dalam Tong Sampah"**

Hj. Kamarudzaman b. Mustafa, Ahli majlis mencadangkan juga supaya di setiap tong sampah tertera arahan" Sila Masukkan sampah ke dalam Tong Sampah" sebagai motivasi kepada pengguna.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

6.15 **Masalah Sosial Di Kg. Teluk, Ulu Melaka.**

Hj. Kamarudzaman b. Mustafa, Ahli Majlis juga memaklumkan berkenaan gejalasosial terutamanya penagihan air ketum dan dadah serta lumba haram yang tidak terkawal di kawasanya di Kg. Teluk Ulu Melaka. Seterusnya beliau mencadangkan pihak yang berkaitan membuat operasi kerana terdapat pendatang tanpa izin di kampong tersebut.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **PDRM.**

6.16 **Penutupan Kawasan Penghadang Ombak Kepada Orang Ramai.**

Ketua Polis Daerah Langkawi, ACP Shariman b. Ashari, Ahli Majlis meminta supaya kawasan jambatan di penghadang ombak, Kg. Kuala Muda ditutup kepada orang ramai memandangkan ianya boleh mendatangkan risiko keselamatan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan.**

## 7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan sepanjang mesyuarat pada hari ini dan diucapkan ribuan terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.00 petang.

| | |
|---|---|
| **Disediakan Oleh,** | **Disemak Oleh,** |
| **(ISMAIL B. ZAKARIA)** | **(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK)** |
| **Pencatat Minit** | **Setiausaha** |

**Disahkan Oleh**

**(RADZUAN BIN OSMAN , AMK, BCK.)**
**Yang Di Pertua**
**Majlis Perbandaran Langkawi**
**Bandaraya Pelancongan**
**Kedah Darul Aman.**

# Agenda 7.0

## Menerima Ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

Agenda 7.0

7.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 4/2021 Bertarikh 21 Jun 2021

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**
**KALI KE 04/2021**

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **21 Jun 2021** |
| **MASA** | **:** | **10.00 Pagi** |
| **TEMPAT** | **:** | **Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3, MPLBP** |

**KEHADIRAN MESYUARAT :**

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi -
   Yang Dipertua.

2. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK. - Timbalan Pengerusi -
   Setiausaha MPLBP.

3. En. Mohd Zulidzham bin Mohd Ali. - Setiausaha -
   Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
   Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

**HADIR SECARA ATAS TALIAN (ONLINE – GOOGLE MEET)**

1. En. Zubir bin Ahmad, BKM.
   Ahli Majlis.

2. En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK.,BKM.,JP.
   Ahli Majlis MPLBP.

3. Haji Kamarudzaman bin Mustafa.
   Ahli Majlis MPLBP.

4. En. Look Sia Hing.
   Ahli Majlis MPLBP.

5. Pengarah,
   Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Kedah.
   (Diwakili oleh En. Johari bin Salleh)

6. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah),
   Pejabat Tanah Langkawi (PTL) Daerah Langkawi.
   (Diwakili oleh En. Khalid bin Puteh)

7. Ketua Pegawai Eksekutif,
   Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).
   (Diwakili oleh En. Ibrahim bin Jacob)

8. Pengarah,
   Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Kedah.
   (Diwakili oleh En. Azlan bin Ahmad, PCK.)

9. En. Fazley bin Harun.
   Pengurus,
   Tenaga Nasional Berhad (TNB) Daerah Langkawi.

10. En. Ir. Mohd Fathi Nadwi bin Mohd Fauzi.
    Pengurus Wilayah,
    Syarikat Air Darul Aman (SADA) Langkawi.

11. Jurutera Daerah,
    Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Langkawi.
    (Diwakili oleh En. Mohd Firdaus bin Mat Ali)

12. Jurutera Daerah,
    Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Langkawi.
    (Diwakili oleh Pn. Hazirah binti Marzuki)

13. Ketua Cawangan,
    Jabatan Alam Sekitar (JAS) Daerah Langkawi.
    (Diwakili oleh Pn. Norafiza binti Halim)

14. Tuan Penguasa Bomba,
    Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Daerah Langkawi.
    (Diwakili oleh En. Mohd Iqwan bin Ehsan)

15. Pengurus,
    Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd.
    (Diwakili oleh En. Muhamad Khairul Anwar bin Mohamed Iqbal)

16. Pengarah,
    Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Kedah.
    (Diwakili oleh Pn. Anis Nasuha binti Mustapha)

17. Pengarah,
    Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK).
    (Diwakili oleh En. Mohamad Ridzuan bin Md Zain)

18. Ketua Pegawai Eksekutif,
    Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).
    (Diwakili oleh En. Md Fakhruddin bin Jaffar)

19. Pengarah
    Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp).
    (Diwakili oleh En. Muhammad Azman bin Azizan)

20. TPr. Cik Siti Aisyah binti Mohd Taib.
    Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
    Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap (JPPL) MPLBP.

21. En. Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek,
Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) MPLBP.

22. Tn. Hj. Fauzi bin Ahmad, BCK.
Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan (KEJ) MPLBP.

23. Pn. Rashila binti Abdullah.
Pegawai Penilaian & Pengurusan Harta
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) MPLBP.

24. En. Mohd Fatkhy bin Mohd Jamil.
Pegawai Undang-Undang,
Unit Undang-Undang (UU) MPLBP.

25. En. Azli bin Abdul Rani, BCK.
Pegawai Kesihatan dan Persekitaran MPLBP
Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar MPLBP.

**URUSETIA OSC**

1. En. Zahrul Nizam bin Haji Ishak.
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

2. En. Mohd Hamdi bin Badruttamam - Pencatat Minit -
Penolong Pegawai Senibina,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

3. En. Ariff Fahmi bin Abdullah
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

4. Pn. Nur Hidayu binti Moh Zahari
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

# MINIT MESYUARAT
# MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
# KALI KE 04/2021 PADA 21 JUN 2021.

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **1.0** | **ALUAN PENGERUSI** | |
| 1.1 | Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan aluan selamat datang kepada semua wakil jabatan/agensi yang hadir. | Makluman |
| 1.2 | Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa mesyuarat pada hari ini diadakan secara atas talian selaras dengan ketetapan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). | Makluman |
| **2.0** | **MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU** | |
| 2.1 | Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPLBP Bil. 03/2021 bertarikh 03 Mei 2021 dicadangkan oleh Haji Kamarudzaman bin Mustafa (Ahli Majlis) dan disokong oleh En Look Sia Hing (Ahli Majlis). | Makluman |
| **3.0** | **PERKARA BERBANGKIT** | |
| | -Tiada - | |

| | | |
|---|---|---|
| **4.0** | **PEMBENTANGAN KERTAS KERJA** | |
| **4.1** | **PERMOHONAN SERENTAK (KM DAN PB)** | |
| **4.1.1** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG TERHAD BAGI CADANGAN MENDIRIKAN SEBUAH LOJI PEMBANCUH SIMEN KONKRIT SEMENTARA DAN KEMUDAHAN SOKONGAN YANG BERKAITAN DI ATAS LOT 2535 (LOT BARU 143) DAN SEBAHAGIAN LOT 2718 (LOT BARU 144) , SEKSYEN 3, BANDAR PADANG MAT SIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN HANSON BUILDING MATERIALS MALAYSIA SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/21/21/KM+PS<br>- Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang - | |
| 4.1.1.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan adalah terletak di kawasan Temonyong dan dapat diakses melalui Jalan Kuala Temenyong (jalan baru yang sedang dibina) dan didapati kerja-kerja binaan belum dimulakan di tapak. | Makluman |
| 4.1.1.2 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain JPS dan TNB, setiap jabatan teknikal yang telah dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | Makluman |
| 4.1.1.3 | Wakil JPS memaklumkan supaya pemohon menunjukkan sistem saliran yang lengkap di kawasan pembangunan dan perlu memastikan sistem peparitan tersebut tidak keluar dari sempadan lot yang sepatutnya. | JPS |
| 4.1.1.4 | Wakil TNB memaklumkan supaya pemohon perlu menyediakan satu pencawang bagi menampung keperluan elektrik bagi pembangunan ini tertakluk kepada syarat-syarat TNB dan pihak pemohon disarankan untuk berhubung dengan pihak TNB berhubung perkara tersebut. | TNB |
| 4.1.1.5 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.1.6 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan kebenaran merancang terhad ini dengan dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-<br><br>***a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang terhad yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;***<br>***b) Pemohon perlu segera mematuhi syarat teknikal dan mendapatkan sokongan daripada JPS dan TNB,***<br>***c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.1.2** | **PERMOHONAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA BAGI CADANGAN MENDIRIKAN SEBUAH LOJI PEMBANCUH SIMEN KONKRIT SEMENTARA DAN KEMUDAHAN SOKONGAN YANG BERKAITAN DI ATAS LOT 2535 (LOT BARU 143) DAN SEBAHAGIAN LOT 2718 (LOT BARU 144) , SEKSYEN 3, BANDAR PADANG MAT SIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN HANSON BUILDING MATERIALS MALAYSIA SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/21/21/KM+PS<br>- Permohonan Kelulusan Permit Bangunan Sementara - | |
| 4.1.2.1 | Pengarah Unit OSC MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini adalah permohonan serentak dan dipertimbangkan bersama dengan permohonan kebenaran merancang terhad yang telah diluluskan dalam mesyuarat ini. | Makluman |
| 4.1.2.2 | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong tertakluk kepada kelulusan Kebenaran Merancang terhad dan memaklumkan kelulusan permit akan diberikan selepas Kelulusan Kebenaran Merancang diperolehi dan permit tersebut perlu diperbaharui setiap tahun. | Makluman |
| 4.1.2.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan kelulusan Permit Bangunan Sementara ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-<br><br>***a) Pelan pemohonan perlu diselaraskan semula supaya mematuhi syarat-syarat pelan Kebenaran Merancang terhad yang telah diluluskan;***<br>***b) Kelulusan permit bangunan sementara perlu diperbaharui setiap tahun dan***<br>***c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | JKB/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.3 | **PERMOHONAN SERENTAK BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERCAMPUR YANG MENGANDUNGI :**<br>**<u>FASA 1</u> :**<br>**a) 1 BUAH PREMIUM CHALET 3 TINGKAT - 7 BILIK,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS A),**<br>**c) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS B),**<br>**d) LOJI KUMBAHAN MEKANIKAL,**<br>**e) PENCAWANG TNB DAN**<br>**f) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**<u>FASA 2</u> :**<br>**a) 1 BUAH BANGUNAN PENGURUSAN 2 TINGKAT,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN REKREASI (GYM & SPA) 2 TINGKAT,**<br>**c) 1 BUAH RESTORAN 2 TINGKAT,**<br>**d) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS C), DAN**<br>**e) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**<u>FASA 3</u> :**<br>**a) 4 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 16 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN**<br>**<u>FASA 4</u> :**<br>**a) 4 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 16 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN,**<br>**<u>FASA 5</u> :**<br>**a) 7 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 28 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN,**<br>**DI ATAS LOT PT 2497 (HSM 811), PT 2498 (HSM 812) DAN PT 2499 (HSM 813), MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN A TO Z PREMIER ENTERPRISE SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/22/21/KM+PB<br>- Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang - | |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.3.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan Bayas (di belakang kedai Perabot A to Z) dan didapati kerja-kerja pembinaan belum dimulakan di tapak. | Makluman |
| 4.1.3.2 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain LADA dan Jabatan Kesihatan, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | Makluman |
| 4.1.3.3 | Wakil LADA memaklumkan bahawa pihaknya tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | LADA |
| 4.1.3.4 | Ahli Majlis (En Saidi bin Nanyan) meminta penjelasan berkaitan keadaan sistem saliran di kawasan sekitar tapak permohonan tersebut kerana difahamkan tidak mempunyai sistem saliran yang sempurna serta bimbang air dari tapak permohonan akan dialirkan ke tali air bagi kegunaan tanaman padi. | Makluman |
| 4.1.3.5 | Mesyuarat dimaklumkan berdasarkan kepada pelan permohonan yang telah dikemukakan, pemohon telah mencadangkan pembinaan kolam takungan bagi menampung larian air hujan sebelum dialirkan ke titik buangan terakhir dan permohonan ini mempunyai loji rawatan kumbahan mekanikal bagi tujuan rawatan air kumbahan. | Makluman |
| 4.1.3.6 | Wakil JPBD memaklumkan bahawa pelan susunatur perlu menunjukkan jalan di bahagian belakang secara jelas agar tidak berlaku 'bottleneck' berhampiran dengan loji kumbahan mekanikal. | Makluman |
| 4.1.3.7 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa terdapat binaan yang telah dibina di kawasan cadangan jalan keluar masuk untuk ke tapak ini dan binaan tersebut perlu dirobohkan bagi menyediakan akses yang sempurna untuk ke tapak permohonan. | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.3.7 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | Makluman |
| 4.1.3.8 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan kebenaran merancang ini dengan dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-<br><br>***a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;***<br>***b) Pemohon perlu merobohkan binaan bangunan yang terletak di atas cadangan jalan keluar masuk supaya dapat menyediakan jalan keluar masuk yang sah dan sempurna serta selaras dengan permohonan yang telah dikemukakan;***<br>***c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.4 | **PERMOHONAN SERENTAK BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERCAMPUR YANG MENGANDUNGI :**<br>**FASA 1 :**<br>**a) 1 BUAH PREMIUM CHALET 3 TINGKAT - 7 BILIK,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS A),**<br>**c) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS B),**<br>**d) LOJI KUMBAHAN MEKANIKAL,**<br>**e) PENCAWANG TNB DAN,**<br>**f) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**DI ATAS LOT PT 2497 (HSM 811), PT 2498 (HSM 812) DAN PT 2499 (HSM 813), MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN A TO Z PREMIER ENTERPRISE SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/22/21/KM+PB<br>- Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan - | |
| 4.1.4.1 | Pengarah Unit OSC MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini adalah permohonan serentak bagi fasa 1 sahaja dan dipertimbangkan bersama dengan permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan dalam mesyuarat ini. | Makluman |
| 4.1.4.2 | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong tertakluk kepada kelulusan Kebenaran Merancang dan memaklumkan bahawa sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diperolehi bagi permohonan ini. | Makluman |
| 4.1.4.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan kelulusan Pelan Bangunan ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-<br>***a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat Kelulusan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP;*** | JKB/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| | ***b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);***<br>***c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.5 | **PERMOHONAN KELULUSAN <u>PELAN JALAN DAN PARIT</u> BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERCAMPUR YANG MENGANDUNGI :**<br>**<u>FASA 1</u> :**<br>**a) 1 BUAH PREMIUM CHALET 3 TINGKAT - 7 BILIK,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS A),**<br>**c) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS B),**<br>**d) LOJI KUMBAHAN MEKANIKAL,**<br>**e) PENCAWANG TNB DAN**<br>**f) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**<u>FASA 2</u> :**<br>**a) 1 BUAH BANGUNAN PENGURUSAN 2 TINGKAT,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN REKREASI (GYM & SPA) 2 TINGKAT,**<br>**c) 1 BUAH RESTORAN 2 TINGKAT,**<br>**d) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS C), DAN**<br>**e) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**<u>FASA 3</u> :**<br>**a) 4 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 16 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN**<br>**<u>FASA 4</u> :**<br>**a) 4 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 16 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN,**<br>**<u>FASA 5</u> :**<br>**a) 7 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 28 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN,**<br>**DI ATAS LOT PT 2497 (HSM 811), PT 2498 (HSM 812) DAN PT 2499 (HSM 813), MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN A TO Z PREMIER ENTERPRISE SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/22/21/KM+PB<br>- Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Parit - | |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.5.1 | Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP memaklumkan bahawa secara dasarnya, pihaknya tiada ketegahan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi. | Makluman |
| 4.1.5.2 | Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapatkan sokongan JPS dan perlu mematuhi syarat-syarat JKR iaitu menyediakan Laporan TIA dan RSA. | Makluman |
| 4.1.5.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan pelan jalan dan parit ini dan perlu mematuhi perkara berikut :-<br><br>***a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP;***<br>***c) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS dan JKR.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | JK/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.6 | **PERMOHONAN KELULUSAN <u>PELAN KERJA TANAH</u> BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERCAMPUR YANG MENGANDUNGI :**<br>**<u>FASA 1</u> :**<br>**a) 1 BUAH PREMIUM CHALET 3 TINGKAT - 7 BILIK,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS A),**<br>**c) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS B),**<br>**d) LOJI KUMBAHAN MEKANIKAL,**<br>**e) PENCAWANG TNB DAN**<br>**f) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**<u>FASA 2</u> :**<br>**a) 1 BUAH BANGUNAN PENGURUSAN 2 TINGKAT,**<br>**b) 1 BUAH BANGUNAN REKREASI (GYM & SPA) 2 TINGKAT,**<br>**c) 1 BUAH RESTORAN 2 TINGKAT,**<br>**d) 1 BUAH BANGUNAN SIMPANAN BARANG 1 TINGKAT (JENIS C), DAN**<br>**e) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN.**<br>**<u>FASA 3</u> :**<br>**a) 4 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 16 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN**<br>**<u>FASA 4</u> :**<br>**a) 4 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 16 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN,**<br>**<u>FASA 5</u> :**<br>**a) 7 BUAH CHALET 2 TINGKAT (JENIS TOWN HOUSE) - 28 BILIK, DAN**<br>**b) LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN,**<br>**DI ATAS LOT PT 2497 (HSM 811), PT 2498 (HSM 812) DAN PT 2499 (HSM 813), MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN A TO Z PREMIER ENTERPRISE SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/22/21/KM+PB<br><u>- Permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah -</u> | |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.1.6.1 | Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP memaklumkan bahawa secara dasarnya, pihaknya tiada ketegahan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi. | Makluman |
| 4.1.6.2 | Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapatkan sokongan JPS. | Makluman |
| 4.1.6.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan pelan jalan dan parit ini dan perlu mematuhi perkara berikut :-<br><br>***a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP;***<br>***b) Menjelaskan wang cagaran berjumlah RM30,000.00 sebelum kelulusan Pelan Kerja Tanah dikeluarkan;***<br>***c) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP;***<br>***d) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | JK/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG** | |
| **4.2.1** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT' KEPADA KAWASAN RESORT YANG MENGANDUNGI 15 UNIT RESORT 2 TINGKAT (54 BILIK), 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT 1 1/2 TINGKAT DAN 1 UNIT BANGUNAN 3 TINGKAT UNTUK KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG BERKAITAN DI ATAS LOT PT 735 (LOT LAMA 69), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH.**<br>**UNTUK : TETUAN CHENANG PRIMA RESORT SDN.BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/23/21/KM<br>- Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang - | |
| 4.2.1.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan merupakan Royale Chenang Resort sedia ada dan didapati sebahagian kerja-kerja binaan telah dimulakan ditapak. | Makluman |
| 4.2.1.2 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain LADA dan Jabatan Kesihatan, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | Makluman |
| 4.2.1.3 | Wakil LADA memaklumkan bahawa pihaknya tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. | Makluman |
| 4.2.1.4 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pihak JPS dan TNB masih belum menyokong pembangunan ini pemohon diminta untuk segera mendapatkan sokongan-sokongan teknikal daripada jabatan berkenaan dengan mematuhi syarat yang telah ditetapkan. | PSP |
| 4.2.1.5 | Wakil JPS memaklumkan bahawa cadangan ini perlu menyediakan kolam tadahan air dan menunjukkan sistem saliran ke titik curahan terakhir. | PSP |
| 4.2.1.6 | Wakil TNB memaklumkan bahawa pemohon perlu menunjukkan cadangan pencawang elektrik di atas tapak atau di atas tanah lain yang berhampiran tapak cadangan bagi mendapatkan sokongan TNB. | PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.2.1.7 | Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan susun atur kawasan pembangunan ini yang dibina terlalu padat bagi memaksimakan penggunaan tanah dan hanya mempunyai akses laluan pejalan kaki sahaja di kawasan pembangunan yang mungkin akan menyukarkan pihak JBPM memberikan sokongan semasa kelulusan pelan bangunan kelak. | Makluman |
| 4.2.1.8 | Pihak JBPM juga mencadangkan agar penyediaan pili bomba juga disediakan di atas tapak cadangan memandangkan tiada akses jalan disediakan dibahagian belakang tapak cadangan. | Makluman |
| 4.2.1.9 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-<br><br>***a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;***<br>***b) Pemohon perlu menjelaskan fee berganda sebanyak 10 kali berjumlah RM 19,642.20 kerana menjalankan pemajuan tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak MPLBP;***<br>***c) Pemohon perlu segera mendapatkan sokongan daripada TNB dan JPS;***<br>***d) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS**<br>*(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)* | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.2** | **PERMOHONAN SERENTAK KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 2 TINGKAT YANG MENGANDUNGI :-**<br>**A) RUANG PERNIAGAAN,**<br>**B) 27 BILIK MOTEL,**<br>**C) 1 BILIK PEKERJA ,**<br>**DI ATAS LOT PT 605, MUKIM BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN MAHSURI HARDWARE (LANGKAWI) SDN. BHD.**<br>**Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/37/20/KM+PB**<br>- Rayuan Pengecualian Syarat Menyediakan Lorong Sisi 20 Kaki - | |
| 4.2.2.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah dibentangkan dan diluluskan dengan bersyarat dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 06/2020 pada 15 Disember 2020. | Makluman |
| 4.2.2.2 | Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pemohon ialah pemohon perlu menunjukkan anjakan bangunan 20 kaki di bahagian sisi dan belakang. | Makluman |
| 4.2.2.3 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemohon membuat rayuan untuk mengecualikan syarat tersebut memandangkan kelulusan terdahulu tidak mengenakan syarat tersebut. Syarat tersebut akan menjadikan bangunan semakin kecil dan merugikan pemilik bangunan. | Makluman |
| 4.2.2.4 | Mesyuarat turut dimaklumkan telah ada simpanan jalan selebar 20 kaki (laluan ke lot belakang), bersebelahan dengan tapak cadangan dan syarat lorong sisi tersebut wajar dipertimbangkan semula. | Makluman |
| 4.2.2.5 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju menerima rayuan permohonan ini dan syarat serahan lorong sisi selebar 20 kaki bagi tujuan anjakan bangunan dikecualikan.<br><br>**KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITERIMA</u>** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.3** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMAJUAN BERCAMPUR YANG TERDIRI DARIPADA :-**<br>**A. (FASA 1) 1 BLOK PEMBANGUNAN SUITES SERVIS 39 TINGKAT (831 UNIT) BLOK A YANG MENGANDUNGI :-**<br>**- 1 TINGKAT RUANG PERNIAGAAN DI TINGKAT 1,**<br>**- 6 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DARI TINGKAT 2 HINGGA 7,**<br>**- 1 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT DI TINGKAT 8,**<br>**- 31 TINGKAT SUITE SERVIS DARI TINGKAT 9 HINGGA 39 (831 UNIT).**<br>**B. (FASA 2) 1 BLOK PEMBANGUNAN SUITE SERVIS 6 TINGKAT (60 UNIT) BLOK B YANG MENGANDUNGI :-**<br>**- 5 TINGKAT SUITE SERVIS DARI TINGKAT 1 HINGGA 5 (60 UNIT),**<br>**- 1 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT DI TINGKAT 6.**<br>**C. (FASA 3) 1 BLOK PEMBANGUNAN HOTEL BLOK C 21 TINGKAT (270 BILIK) YANG MENGANDUNGI :-**<br>**- 6 TINGKAT PODIUM**<br>**- 14 TINGKAT BLOK HOTEL (270 BILIK) DARI TINGKAT 7 HINGGA 20 BESERTA KEMUDAHAN HOTEL DI TINGKAT 21.**<br>**D. (FASA 3) 1 BLOK PEMBANGUNAN HOTEL BLOK D 40 TINGKAT (630 BILIK) YANG MENGANDUNGI :-**<br>**- 8 TINGKAT PODIUM,**<br>**- 31 TINGKAT BLOK HOTEL (630 BILIK) DARI TINGKAT 9 HINGGA 39 BESERTA KEMUDAHAN HOTEL DI TINGKAT 40.**<br>**DI ATAS LOT PT 375, SEKSYEN 4, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK: TETUAN CENANG RESORT SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/51/19/KM<br>- Penjelasan Pengurusan Strata Pembangunan (Tempat Letak Kereta)- | |
| 4.2.3.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah dibentangkan dan diluluskan dengan bersyarat dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 03/2021 pada 29 March 2021. | Makluman |
| 4.2.3.2 | Berdasarkan kepada kelulusan terdahulu, pembangunan tempat letak kereta dicadangkan sebagai harta bersama bagi kesemua komponen pembangunan yang dicadangkan. | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.2.3.3 | Merujuk kepada surat (No Rujukan : CRSB/KM2021 bertarikh 17Jun 2021) pemohon mengemukakan Surat penjelasan berhubung kepada pembahagian Tempat Letak Kereta untuk keseluruhan cadangan pembangunan ini. | Makluman |
| 4.2.3.4 | Pemohon telah membuat sedikit perubahan kepada pembahagian TLK yang disediakan berasaskan perkara berikut :-<br><br>i. Kesemua unit-unit servis apartment bersaiz besar (1Bilik dan ke atas) ada disediakan TLK aksesori. Sejumlah 534 unit TLK di tingkat 4- 7 di aksesorikan kepada unit apartment disediakan bagi tujuan ini.<br>ii. Sejumlah 249 TLK di sebahagian tingkat 1, keseluruhan tingkat 2-3 pula disediakan bagi keperluan penggunaan berbayar penghuni unit-unit apartment bersaiz studio, pelanggan unit-unit komersil, pekerja dan pengunjung awam.<br>iii. TLK OKU, TLB dan TLM adalah TLK pemilikan Badan Pengurusan Bersama (JMB). | Makluman |
| 4.2.3.5 | Pembahagian ini dibuat selaras dengan justikasi pemohon iaitu keperluan TLK adalah sebahagian besar pemilik bukan pemastautin, kebanyakan unit akan disewakan, majoriti pelancong menggunakan pengangkutan awam, perkembangan sektor pengangkutan e-hailing dan kedatangan para pelancong secara bermusim mengikut negara di mana kami menjangkakan kadar huni (occupancy rate) maksima pada satu satu musim ialah kira-kira 60% sahaja. | Makluman |
| 4.2.3.6 | Bagi memastikan penggunaan TLK yang optimum, 249 TLK diaksesorikan kepada Parcel No 6 iaitu Carpark Management Office di Tingkat 2 pula diaksesorikan kepada Pejabat Pengurusan TLK (Car Park Management Office) yang terletak di tingkat 2. Langkah mengkhususkan TLK kepada satu badan pengurusan TLK ini akan memberi manfaat seperti berikut:-<br>i. Pengurusan TLK yang cekap bagi memastikan penggunaanTLK yang mencukupi dan optimum; | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| | ii. Menyediakan kemudahan TLK bakal menaikkan imej kemudahan TLK awam di Pantai Cenang. Pengurusan TLK berupaya untuk menggalakkkan orang awam untuk menggunakan kemudahan TLK yang yang moden, bersih, teratur dan selamat; dan<br>iii. Memudahkan pengurusan dan penyelengaraan kemudahan TLK. | |
| 4.2.3.7 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa semakan terhadap pelan pengurusan strata mendapati bahawa jumlah TLK yang perlu disediakan adalah sama dan perubahan hanya melibatkan pengurusan TLK sahaja.<br><br>**KEPUTUSAN : <u>MENGAMBIL MAKLUM</u>** | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.4** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN**<br>**- FASA 1: 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 TINGKAT**<br>**- FASA 2: 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 TINGKAT**<br>**DI ATAS LOT 248, KELIBANG, SEKSYEN 6, BANDAR KUAH, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK: TETUAN DATACASH ENTERPRISE SDN BHD.**<br>**Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/07/21/KM**<br>- Rayuan Jarak Gili-Gili Dengan Sempadan Kawasan Lapang - | |
| 4.2.4.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah dibentangkan dan diluluskan dengan bersyarat dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 01/2021 pada 23 Februari 2021. | Makluman |
| 4.2.4.2 | Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pemohon ialah pemohon perlu menyerah sekurang kurangnya 10 kaki gili-gili dari sempadan dengan kawasan lapang. | Makluman |
| 4.2.4.3 | Pemohon telah mebuat rayuan dengan justifikasi berikut :<br>i. Tapak cadangan adalah baki lot pembangunan untuk kedai/pejabat berderet dan bukan untuk ruang komersil bertingkat *(height-rise)* di mana jalan susur 40 kaki telah tersedia di Jalan Padang Mat Sirat (jalan utama), di Lorong Tiram dan Jalan Kelibang, lorong tepi 20 kaki sediada dan lorong belakang 20 kaki (yang akan diserahkan). Ini bermaksud jalan-jalan tersedia telah menjadikan kawasan "*buffer*"/anjakan supaya mudah sampai ke kawasan lapang tersebut memandangkan laluan pejalan kaki telah disediakan dan bersambung ke kawasan lapang tersebut, maka anjakan gili-gili tidak perlu disediakan;<br>ii. Keluasan lantai bagi cadangan kedai/pejabat bagi Unit 1 dan 8 adalah terhad. Jika anjakan 10kaki gili-gili disediakan boleh menyebabkan pembagunan ini tidak "feasible". | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| | iii. Tapak cadangan yang terhad telah menyukarkan penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) yang mana permohonan ini tertakluk kepada bayaran sumbangan tempat letak kenderaan disebabkan tidak dibenarkan plot petak TLK atas kawasan lapang Majlis yang mana kos sumbangan ini juga akan membebankan projek pembangunan ini. | |
| 4.2.4.4 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju dan memutuskan kelebaran gili-gili yang perlu disediakan dikurangkan kepada 5 kaki sahaja dari sempadan lot kawasan lapang.<br><br>**KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITERIMA</u>** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.5** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN RESORT YANG MENGANDUNGI 6 UNIT CHALET 1 TINGKAT, 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT DAN KAFETERIA 1 TINGKAT DI ATAS LOT 1931, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN MOHAMMAD NADJION BIN NASIR.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/01/20/KM<br>-Rayuan Pertimbangan Semula Permohonan Kali ke 2- | |
| 4.2.5.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan rayuan pertimbangan semula permohonan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 4/2020 pada 11 Ogos 2020 dan memaklumkan permohonan ini akan dipertimbangkan semula sekiranya pemohon mempunyai alternatif lain jalan keluar masuk untuk ke tapak permohonan. | Makluman |
| 4.2.5.2 | Kini, pemohon telah membuat rayuan semula berhubung dengan pemajuan di atas memandang pemohon telah mempunyai alternatif lain bagi jalan keluar masuk untuk ke tapak permohonan dan cadangan jajaran jalan baru tersebut telah disokong oleh pihak SADA dan PTL. | Makluman |
| 4.2.5.3 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa surat penolakan permohonan ini telah dikeluarkan mengikut Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (Am) 1995 dan pemohon perlu mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang yang baharu. | Makluman. |
| 4.2.5.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju menerima cadangan jalan keluar masuk yang telah dicadangkan dan pemohon diminta supaya mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang mengikut cadangan jajaran jalan baru tersebut untuk diproses dan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.<br><br>**KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITERIMA</u>** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.6** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 BLOK PANGSAPURI SERVIS 10 TINGKAT (140 UNIT), DI ATAS LOT 611 SEKSYEN 6, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN PEMBINAAN SENDANAS SDN. BHD.**<br>Fail Rujukan OSC: MPLBP/OSC/KUH/40/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua - | |
| 4.2.6.1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 27 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 22 Jun 2021. | Makluman |
| 4.2.6.2 | Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah (Syarat Nyata) daripada Pihak Berkuasa Negeri serta masih dalam proses untuk mengemukakan Pelan Bangunan kepada pihak Majlis. | Makluman |
| 4.2.6.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br><br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 23 Jun 2021 dan tamat pada 22 Jun 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 03 September 2020, Rujukan : Bil(27)MPLBP/04/P/KM/34/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.7** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PECAHAN SEMPADAN YANG MENGANDUNGI 31 LOT INDUSTRI DAN 1 LOT TAPAK UNTUK KEGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN (MPLBP) DIATAS PT 968 (HSD 1079), PT 969 (HSD 1080), PT 970 (HSD 1081), PT 971 (HSD 1082), PT 972 (HSD 1083) DAN PT 973 (HSD 1084), MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI,KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/18/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua - | |
| 4.2.7.1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 27 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 27 Mei 2021. | Makluman |
| 4.2.7.2 | Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri. | Makluman |
| 4.2.7.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br><br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 28 Mei 2021 dan tamat pada 27 Mei 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 18 November 2019, Rujukan: Bil(15)MPLBP/04/P/KM/16/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.8** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT KEDAI 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT 4360, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN SUMMER FURNISHINGS (M) SDN. BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/37/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua - | |
| 4.2.8.1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 24 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 22 Jun 2021. | Makluman |
| 4.2.8.2 | Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan (sokongan) Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pejabat Tanah Langkawi. | Makluman |
| 4.2.8.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br><br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 23 Jun 2021 dan tamat pada 22 Jun 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 17 Disember 2019, Rujukan: Bil(22)MPLBP/04/P/KM/13/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS.** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.9** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG "AS-BUILT" BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN TEMA AIR 'LANGKAWI WATER KINGDOM', MENGANDUNGI BANGUNAN UTAMA, RESTORAN, KOLAM - KOLAM DAN GELONGSOR AIR, SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA KEMUDAHAN RESORT BELLA VISTA SEDIA ADA, MELIBATKAN SEBAHAGIAN LOT PT 1233 & PT 1234, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN LANGKAWI INTERNATIONAL SDN BHD**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/17/19/KM+PB<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua - | |
| 4.2.9.1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 24 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 27 Mei 2021. | Makluman |
| 4.2.9.2 | Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih belum mendapatkan kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Parit daripada pihak Majlis. | Makluman |
| 4.2.9.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br><br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 28 Mei 2021 dan tamat pada 27 Mei 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 03 Mac 2020, Rujukan: Bil(36)MPLBP/04/P/KM/15/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS.** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.10** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN :**<br>**a) 61 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT,**<br>**b) 24 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT,**<br>**DI ATAS LOT 200 (LOT BARU 1498) ALOR HILIR, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN INDAH KEMAS SDN BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/35/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua - | |
| 4.2.10 .1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 11 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 14 Julai 2021. | Makluman |
| 4.2.10 .2 | Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah (Syarat Nyata) daripada Pihak Berkuasa Negeri serta masih dalam proses untuk mengemukakan Pelan Bangunan kepada pihak Majlis. | Makluman |
| 4.2.10 .3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 15 Julai 2021 dan tamat pada 14 Julai 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 10 Mac 2020, Rujukan: Bil(32)MPLBP/05/P/KM/29/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS.** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.2.11 | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI SATU (1) UNIT STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DWIFUNGSI BERBENTUK (LAMPU LIMPAH) BERKETINGGIAN 30 METER SERTA PERALATAN TELEKOMUNIKASI DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH PT 1439, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN STEALTH SOLUTION SDN BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/71/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KMT Tahun Kedua - | |
| 4.2.11.1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 02 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 14 Disember 2021. | Makluman |
| 4.2.11.2 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan. | Makluman |
| 4.2.11.3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 15 Disember 2021 dan tamat pada 14 Disember 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 10 September 2020, Rujukan: Bil(19)MPLBP/04/P/KM/57/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS.** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.2.12** | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI SATU (1) UNIT STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DWIFUNGSI BERBENTUK (LAMPU LIMPAH) BERKETINGGIAN 30METER SERTA PERALATAN TELEKOMUNIKASI DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH LOT 1578, RANGGUT, MUKIM BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN STEALTH SOLUTION SDN BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/73/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KMT Tahun Kedua - | |
| 4.2.12 .1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 29 Mac 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 14 Disember 2021. | Makluman |
| 4.2.12. .2 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan. | Makluman |
| 4.2.12 .3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br><br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 15 Disember 2021 dan tamat pada 14 Disember 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 10 September 2020, Rujukan: Bil( )MPLBP/05/P/KM/58/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS.** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 4.2.13 | **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI SATU (1) UNIT STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DWIFUNGSI BERBENTUK (LAMPU LIMPAH) BERKETINGGIAN 30METER SERTA PERALATAN TELEKOMUNIKASI DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH PT 425, HSM 904, PAYA PANJANG, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**<br>**UNTUK : TETUAN STEALTH SOLUTION SDN BHD.**<br>Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/72/19/KM<br>- Permohonan Perlanjutan Tempoh KMT Tahun Kedua - | |
| 4.2.13 .1 | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 02 Mei 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 14 Disember 2021. | Makluman |
| 4.2.13. .2 | Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan. | Makluman |
| 4.2.13 .3 | Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju **MELULUSKAN** permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan **SYARAT** :-<br><br>***a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 15 Disember 2021 dan tamat pada 14 Disember 2022;***<br>***b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 16 Jun 2020, Rujukan: Bil(12)MPLBP/05/P/KM/59/2019.***<br><br>**KEPUTUSAN : LULUS.** | JPPL/PSP |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 5.0 | **PEMBENTANGAN DAN ULASAN TERHADAP PERMOHONAN YANG DILULUSKAN DI PERINGKAT JABATAN/PBT.**<br>- Tiada – | |
| 6.0 | **PEMBENTANGAN STATUS PERMOHONAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK REKOD DI JABATAN/PBT.**<br>- Tiada – | |
| 7.0 | **PEMBENTANGAN STATUS PERMOHONAN YANG DITURUNKAN KUASA KEPADA PENGARAH BAHAGIAN / JABATAN PBT UNTUK DILULUSKAN UNTUK DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA OSC.**<br>- Tiada – | |
| 8.0 | **STATUS PERLAKSANAAN CCC DIBENTANG OLEH PENGARAH JABATAN/ BAHAGIAN TEKNIKAL PBT.**<br>- Tiada – | |
| 9.0 | **HAL-HAL LAIN** | |
| 9.1 | **PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BILANGAN 1 TAHUN 2021.**<br>**- PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK.** | |
| 9.1.1 | Kertas kerja ini dibentangkan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan pihak Berkuasa Tempatan (PBT)berhubung prosedur permohonan bagi penyediaian penginapan Pekerja secara jangka pendek (2021-2023). | Makluman |
| 9.1.2 | Prosedur ini dirangka dan ianya bersifat penyelesaian jangka pendek yang memerlukan tindakan segera bagi mengelakdan mengawal penginapan pekerja yang tidak teratur dan secara langsung menyebabkan penyebaran wabak penyakit. | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 9.1.3 | Terdapat 6 alternatif penyediaan penginapan pekerja secara jangka pendek iaitu ;<br>A1: Penginapan pekerja di kawasan perumahan sedia Ada,<br>A2: Asrama pekerja di kawasan perumahan sedia ada,<br>A3: Penginapan pekerja di unit rumah kedai sedia ada,<br>A4: Penginapan pekerja atau asrama pekerja di kedai pejabat atau plot perniagaan sedia ada,<br>A5: Penginapan pekerja atau asrama pekerja di premis perindustrian sedia ada dan<br>A6: Asrama pekerja dalam tapak bina. | Makluman |
| 9.1.4 | Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan (23 Mac 2021) | Makluman |
| 9.1.5 | Setelah berbincang, mesyuarat membuat keputusan berikut :<br><br>***i. Mesyuarat mengambil maklum dengan Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek yang telah dikeluarkan oleh JKT,***<br>***ii. Mesyuarat juga bersetuju menggunapakai pekeliling ini tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).*** | Makluman |
| **9.2** | **PENGUNAAN PAGAR JENIS BOLLARD ATAU ANTI-CLIMB FENCE (TNB)** | |
| 9.2.1 | Wakil TNB membentangkan mengenai cadangan penggunaan pagar jenis "*bollard*" dan kaedah sedia ada dengan menggunakan pagar jenis "*anti climb fence*" bagi kegunaan kawalan keselamatan di pencawang TNB di sekitar Langkawi serta meminta pandangan dan pertimbangan daripada jawatankuasa. | Makluman |
| 9.2.2 | Wakil TNB turut memaklumkan pihak REDHA mengesyorkan penggunaan pagar jenis "*bollard*" bagi setiap pencawang yang akan dibina oleh TNB kelak. | Makluman |

| Bil. | Agenda | Tindakan |
|---|---|---|
| 9.2.3 | Ahli Majlis (Haji Kamarudzaman bin Mustafa ) berpandangan penyediaan pagar jenis "*anti climb*" adalah lebih baik terutamanya daripada aspek keselamatan penduduk dan beliau juga turut mencadangkan agar pihak TNB mengemukakan senarai sebut harga bagi pembinaan pagar ini beserta lakaran dan spesifikasi pagar agar dapat diseragamkan bagi tujuan pembinaan untuk kegunaan setiap pemaju kelak. | Makluman |
| 9.2.3 | Ahli Majlis (En. Nor Saidi bin Nanyan) turut memaklumkan pihak TNB perlu memastikan agar setiap pencawang elektrik TNB diselenggara dengan baik agar tidak berlaku pencerobohan dan ditumbuhi semak samun. | Makluman |
| 9.2.4 | Setelah berbincang, mesyuarat berpandangan untuk menyokong penggunaan pagar jenis *anti climb fence* berbanding penggunaan "*bollard*" untuk setiap pencawang yang akan dibina oleh TNB kelak. | TNB/MPLBP |
| **10.0** | **PENUTUP**<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari. | |

**Disediakan Oleh :**

**(MOHD HAMDI BIN BADRUTTAMAM)**
Pencatat Minit
Mesyuarat Jawatankuasa
Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan.

**Disemak Oleh :**

**(MOHD ZULIDZHAM BIN MOHD ALI)**
Setiausaha
Mesyuarat Jawatankuasa
Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan.

**Disahkan Oleh :**

**(RADZUAN BIN OSMAN., AMK.,BCK.,)**
Pengerusi
Mesyuarat Jawatankuasa
Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

*Tarikh : 22 Jun 2021*

# Agenda 8.0

## Menimbang perkara-perkara baru

Agenda 9.0

Pembentangan Usul

Agenda 10.0

Penangguhan Mesyuarat